



اینسٹیوٹ تیکنولوگی مارا

INSTITUT TEKNOLOGI MARA

LAPORAN TAHUNAN 1996



اینسٹیتوت تکنولوچی مارا

Institut Teknologi MARA

**LAPORAN
TAHUNAN**

1 9 9 6

Yang Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak
SSAP, SIMP, DPMS, DSAP, PNBS
Menteri Pendidikan Malaysia
Kementerian Pendidikan
KUALA LUMPUR

YB. Dato' Sri,

Lembaga Pengarah Institut Teknologi MARA dengan hormatnya menyampaikan Laporan Tahunan ITM bagi tahun 1996 mengikut kehendak Bahagian VI Seksyen 30 (1) Akta Institut Teknologi MARA 1976 Akta 173 Undang-Undang Malaysia.

Dengan penuh hormat,




TAN SRI DATUK WIRA ABDUL RAHMAN B. HAJI ARSHAD
PSM, SPDK, DCSM, DMPN, DSAP, DKSJ, JMN, JSM, BSK
Pengerusi

Kandungan

	Muka
Maklumat Korporat	6
Wawasan Misi Objektif	7
Matlamat	8
Majlis Lembaga Pengarah	10
Lembaga Pengarah ITM	11
Pengurus Kanan	12
Dekan Kajian, Ketua Pusat dan Ketua Bahagian	13
Provost-Provos Kampus Cawangan	16
Laporan Rektor 1996	19
Laporan Kajian/Pusat dan Kampus Cawangan	27
Kajian Perakaunan	28
Kajian Seni Lukis dan Seni Reka	29
Kajian Pentadbiran dan Undang-Undang	31
Kajian Seni Bina, Perancangan dan Ukur	32
Kajian Sains Gunaan	34
Kajian Perniagaan dan Pengurusan	37
Kajian Sains Matematik dan Komputer	38
Kajian Kejuruteraan Awam	40
Kajian Kejuruteraan Elektrik	40
Kajian Kejuruteraan Mekanikal	42
Kajian Pengurusan Hotel dan Pelancongan	42
Kajian Sebaran Am	44
Kajian Sains Perpustakaan dan Maklumat	46
Kajian Sains Kesetiausahaan	47
Kajian Sains Sukan dan Rekreasi	48
Pusat Pendidikan Islam	49
Pusat Bahasa	51
Pusat Pendidikan Lanjutan	51
Pusat Kursus Luaran	53
Pusat Sistem Maklumat Bersepadu	54
Pusat Pembangunan Usahawan (MEDEC)	55
BIROTEKS	56
Pusat Computer Aided Design/Engineering Manufacturing (CADEM)	60
Pusat Inovasi	60
Biro Penyelidikan dan Perundingan (BRC)	61
Pusat Pengajian Pengangkutan Malaysia	62
Pusat Sumber Pengajaran dan Pembelajaran	63
Pusat Perhubungan Luar dan Antarabangsa	63
ITM Cawangan Perlis	66
ITM Cawangan Sabah	67
ITM Cawangan Sarawak	68
ITM Cawangan Terengganu	69
ITM Cawangan Johor	70
ITM Cawangan Melaka	71
ITM Cawangan Perak	72
ITM Cawangan Pahang	73
ITM Cawangan Kelantan	75
ITM Cawangan Pulau Pinang	75
Pusat Pendidikan Persediaan	76
Penyata Kewangan	79



Bangunan ITM



YANG BHG. TAN SRI DATUK WIRA ABDUL RAHMAN ARSHAD
PSM, SPDK, DCSM, DMPN, DSAP, DKSJ, JMN, JSM, BSK
PENGERUSI LEMBAGA PENGARAH
INSTITUT TEKNOLOGI MARA

MAKLUMAT KORPORAT

PENUBUHAN

Sejarah Institut Teknologi MARA bermula dengan penubuhan Dewan Latihan RIDA dalam tahun 1956 yang bertujuan untuk memberi latihan dan pendidikan dalam bidang perusahaan dan perniagaan untuk membolehkan anak-anak bumiputera dan luar bandar menceburkan diri dalam bidang-bidang tersebut. Seramai 25 orang pelajar telah diterima untuk mengikuti pengajian London Chamber of Commerce (Peringkat Permulaan) dan dalam perusahaan membuat tali sabut.

Selaras dengan resolusi kongres Ekonomi Bumiputera yang telah diadakan dalam tahun 1965, peranan pusat pengajian ini telah diperluaskan dan namanya ditukar kepada Maktab MARA. Jumlah dan peringkat pengajian telah dipertingkatkan. Permintaan untuk jenis dan bidang latihan yang ditawarkan menekankan keupayaan fizikal maktab dan beberapa bangunan terpaksa disewa. Akhirnya sebidang tanah seluar 300 ekar di Shah Alam telah diluluskan untuk pembinaan kampus tetap dan pada 14 Oktober 1967, upacara perletakan batu asas telah dilakukan oleh Allahyarham Tun Abdul Razak bin Hussein. Serentak dengan itu, Maktab MARA bertukar nama kepada Institut Teknologi MARA. Pada peringkat permulaan Dewan Latihan RIDA telah ditadbirkan oleh Bahagian Latihan RIDA dan seterusnya Bahagian Latihan MARA apabila RIDA bertukar nama kepada MARA ini bermakna bahawa pusat pengajian ini turut diletakkan di bawah Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar. Pada akhir tahun 1970 Institut Teknologi MARA telah diberi autonomi penuh dan ditadbirkan oleh Majlis Pentadbirannya sendiri. Dengan lulusnya Akta Institut Teknologi MARA pada bulan Jun 1976, ITM diletakkan terus di bawah Kementerian Pelajaran.

Perkembangan ITM sebagai pusat pengajian profesional dan separa profesional mencatatkan satu sejarah yang pesat dan cemerlang. Daripada cuma kursus perdagangan rendah dan vokasional pada permulaannya. ITM kini menawarkan 129 kursus dalam berbagai bidang pengajian yang diletakkan di bawah 15 kajian, merangkumi bidang-bidang sains dan kejuruteraan, perniagaan dan pengurusan dan sains sosial dan kemanusiaan. Bermula dengan 25 orang pelajar, ITM kini mempunyai 46,202 pelajar yang ditempatkan disebelas buah kampus termasuk seramai 16,522 orang pelajar di kampus induk Shah Alam. Dari sebuah kampus di Petaling Jaya. ITM kini mempunyai kampus cawangan di Sabah, Sarawak, Perlis, Terengganu, Melaka, Johor, Pahang, Perak, Kelantan dan Pulau Pinang.

Wawasan

Menjadi sebuah institusi pengajian tinggi profesional yang unggul dalam bidang sains, industri, teknologi dan perdagangan berorientasikan pengurusan dan keusahawanan.

Misi

Membangun generasi Bumiputera supaya menjadi profesional yang berilmu, berinovasi, berdaya saing, bertakwa dan mampu menerajui pembangunan.

Objektif

Menyediakan program pendidikan peringkat profesional dan separa profesional sesuai dengan keperluan gunatenaga manusia, terutama dalam bidang sains dan teknologi, serta menanam keperibadian mulia menerusi pendedahan kepada ilmu pengetahuan dari mana-mana tamadun secara terbuka serta penghayatan terhadap Islam, kepada Bumiputera agar mereka lebih bersedia menghadapi persaingan dunia pekerjaan dan keusahawanan, sanggup berdikari dan berani menjadi agen perubahan dalam sebuah masyarakat majmuk.

MATLAMAT

Untuk mencapai objektif akademiknya ITM menyusun aktiviti-aktiviti akademik berikut:

1. Mengadakan program-program pendidikan di peringkat profesional dan separa profesional.
2. Mendedahkan pelajarnya kepada ilmu pengetahuan dari mana-mana tamadun yang sesuai dengan hasratnya sebagai institusi pendidikan tinggi asal tidak bercanggah dengan kebudayaan dan tatussila Melayu.
3. Mendedahkan pelajarnya kepada program-program bukan akademik, yang boleh membentuk sahsiah mereka, sebagai persiapan untuk bersaingan dalam dunia pekerjaan.
4. Menanamkan semangat dan ciri-ciri Islam ke dalam sanubari pelajarnya melalui program-program keagamaan dan pembinaan insan kamil.
5. Menentukan setiap tenaga pengajarnya mempunyai kepakaran dalam bidang masing-masing melalui proses perkembangan sumber manusia yang sistematisik.
6. Membentuk satu sistem pentadbiran yang boleh mendorong keaktiviti dan kerjasama antara kakitangan supaya misi ITM sebagai institusi pendidikan tinggi cemerlang tercapai.

AHLI-AHLI LEMBAGA PENGARAH



Duduk Dari Kiri Ke Kanan

Y.Bhg. Dato' Haji Zahani Tan Sri Ahmad; Y.Bhg. Tan Sri Datuk Wira Abdul Rahman Arshad;
Y.Bhg. Dato' Ir. Dr. Hj. Ahmad Zaidee Ladin

Berdiri Dari Kiri Ke Kanan

Pn. Maznah Abdul Jalil; Tn Hj. Mohamed Noor Hj. Mat Ali; Y.Bhg. Datuk Hj. Mohd Taha Ariffin;
En. Mohd Ibrahim Mohd Zain; Y.Bhg. Datuk Ismail Zakaria; Y.Bhg. Datuk Abdul Rashid Abdul Rahman
dan Tn. Hj. Bahadon Ismail

MAJLIS ITM

(Sehingga 16 Oktober 1996)

PENGERUSI

Y. Bhg. Tan Sri Datuk Wira Abdul Rahman bin Arshad
PSM, SPDK, DCSM, DMPN, DSAP, DKSJ, JMN,
JSM, BSK
Pengerusi
Bank Industri Berhad

TIMBALAN PENGERUSI

Y. Bhg. Dato' Haji Zahani bin Tan Sri Ahmad
DPMS, JSM, AMN
Pengerusi
BEP Akitek Sdn. Bhd.

AHLI-AHLI

PENGARAH ITM

Y. Bhg. Dato' Ir. Dr. Haji Ahmad Zaidee bin Laidin
DPMP, KMN

KETUA SETIAUSAHA PERBENDAHARAAN MALAYSIA

Wakil : **Tuan Haji Mohamed Noor bin Haji Mat Ali,**
ASK
Timbalan Setiausaha
Bahagian Pentadbiran

KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN PENDIDIKAN

Wakil : **Y. Bhg. Dato' Nuraizah bt. Abdul Hamid,**
DPMP, JSM
Timbalan Ketua Setiausaha I
(hingga 30/05/96)

Y. Bhg. Datuk Hj. Abdul Rashid bin Haji Abdul Rahman,
DMSM, JSM, KMN
Timbalan Ketua Setiausaha II
(mulai 01/08/96)

KETUA PENGARAH PENDIDIKAN

Wakil : **Encik Abdul Rahman bin Mohd Ali**
Setiausaha Agong Majlis
Peperiksaan Malaysia

KETUA PENGARAH

PERKHIDMATAN AWAM

Wakil : **Tuan Haji Mohsin bin Mohd. Khir**
Ketua Pengarah
Perkhidmatan Awam
(mulai 01/03/96)

PEGUAMCARA NEGARA

Wakil : **Puan Nor Bee bt. Ariffin**
Peguam Kanan Persekutuan
(Bahagian Gubalan)

KETUA PENGARAH MARA

Y. Bhg. Dato' Haji Mohd Ridzuan bin Abdul Halim, DSDK
(sehingga 08/08/96)

Tuan Hj. Nik Mohd. Affandi bin Nik Yusoff
(mulai 09/08/96)

AHLI-AHLI LAIN

Y. Bhg. Datuk Haji Mohd Taha bin Ariffin
PGBK, DIMP, JSM, JBK, PPC, PBS
Timbalan Setiausaha Kerajaan
Negeri Sarawak

Y. Bhg. Tan Sri Dato' Ir. Wan Abdul Rahman bin Haji Wan Yaacob
PSM, SPMT, DPMT, JSM, AMN
Ketua Pengarah Kerja Raya
(bersara 20/06/96)

Encik Mohd Ibrahim bin Mohd. Zain
Pengerusi Eksekutif
PAN Malaysia Industries Berhad

Y. Bhg. Dato' Mohd Nadzmi bin Mohd Salleh
DIMP, JSM, PMK
Pengarah Urusan
Perusahaan Otomobil Nasional Bhd.
(PROTON)

SETIAUSAHA

Pendaftar
Tuan Haji Bahadon bin Ismail,
KMN

LEMBAGA PENGARAH ITM

(Mulai 17 Oktober 1996)

PENGERUSI

Y. Bhg. Tan Sri Datuk Wira Abdul Rahman bin Arshad
PSM, SPDK, DCSM, DMPN, DSAP, DKSJ, JMN,
JSM, BSK
Pengerusi
Bank Industri Berhad

Y. Bhg. Datuk Haji Mohd Taha bin Ariffin

PGBK, DIMP, JSM, JBK, PPC, PBS
Timbalan Setiausaha Kerajaan
Negeri Sarawak

Encik Mohd Ibrahim bin Mohd. Zain

Pengerusi Eksekutif
PAN Malaysia Industries Berhad

AHLI-AHLI

Y. Bhg. Dato' Ir. Dr. Haji Ahmad Zaidee bin Ladin, DPMP, KMN
Rektor, ITM

Y. Bhg. Dato' Haji Zahani bin Tan Sri Ahmad DPMS, JSM, AMN
Pengerusi
BEP Akitek Sdn. Bhd.

Y. Bhg. Datuk Hj. Abdul Rashid bin Haji Abdul Rahman,
DMSM, JSM, KMN
Timbalan Ketua Setiausaha I
Kementerian Pendidikan

Tuan Haji Mohamed Noor bin Haji Mat Ali,
ASK
Timbalan Setiausaha
Bahagian Pentadbiran
Perbendaharaan Malaysia

Y. Bhg. Datuk Ismail bin Zakaria,

PJN
Ketua Eksekutif
Sime Bank Berhad

Puan Maznah bt. Abdul Jalil

Senior Group Director
Corporate Finance & Advisory
DRB HICOM-Group

SETIAUSAHA

Tuan Haji Bahadon bin Ismail,
KMN
Pendaftar, ITM

PENGURUSAN KANAN

REKTOR

Y. Bhg.Dato' Ir. Dr. Hj. Ahmad Zaidee bin Ladin,
DPMP, KMN
Dip. in Elect. Eng. (Brington) M.Sc. in Tech. Eco.
(Mgmt. & Ind. Sc.) (Stirling), P. Eng., F.I.E.M.,
C. Eng. (U.K), M.I.E.E. (U.K) M.M.S. (U.K) D.
Univ. (Stirling), Hon. D. Tech. (Brookes)

TIMBALAN REKTOR (AKADEMIK DAN HAL EHWAL PELAJAR)

Profesor Dr. Wan Mohamad bin Wan Abdul Kadir
B. Agric. Sc. (UM), M. Sc(Soil Sc.)(Ghent.
Belgium). Ph. D (Plant & Soil Sc.) (Tennessee)

TIMBALAN REKTOR (PENGURUSAN)

Profesor Dr. Ibrahim bin Abu Shah, JBK, PBS
DPA(ITM), B.A(Econ.)(Ohio), M.A(Sociology)
(Ohio), Ph.D(Gov. & Pol.) (Maryland)

PENDAFTAR

Haji Bahadon bin Ismail, KMN
ACSA(U.K), BBA(Ohio), M.A.(Econ.)(Ohio)

BENDAHARI

Hajah Siha bt. Saat
B. Econ. (Acc.)(UM), MBA (Acc.)(Armstrong)

KETUA PUSTAKAWAN

Hajah Rahmah bt. Muhamad
ALA(U.K) ACIS(U.K), MLS(Hawaii)

PENOLONG REKTOR

(HAL EHWAL AKADEMIK)

Profesor Dr. Syed Noh bin Syed Ahmad
B. Econ. (Hons)(Acc.)(Malaya),
MBA(Acc Indiana), M.Sc.(Acc. &
Fin.)(Stirling), Ph.D(Acc.)(Stirling)

PENOLONG REKTOR (PERHUBUNGAN LUAR DAN ANTARABANGSA)

Profesor Madya Ir. Dr. Sahol Hamid bin Abu Bakar
Adv. Dip. (C. Eng.)(ITM). M.Sc. (C. Eng.)
(Colorado S. Univ.), M. Sc(Econ.) (Colorado St.)
D. Phill. (C. Eng.)(Sussex), MIEM, P. Eng.

PENOLONG REKTOR

(PENDIDIKAN JARAK JAUH)

Profesor Dr. Szarina Abdullah
Cert. in Lib. Studies (Hawaii), B.A. (Hons)
(Lib. Arts)(Chulalongkorn), M.A. (Lib.
Studies)(Hawaii), Ph.D(Lib. Info. Sc.)(Illinois)

PENOLONG REKTOR

(KEMUDAHAN PELAJAR)

Dr. Haji Zaini bin Hamzah
Sarjana Muda Sains (Kimia)(UKM),
Dip. Peng. Islam (UKM), Post Dip. in
Chemistry (Kelsterton Coll.), M.Sc.
(Nuclear & Radiation Chem.)(Salford),
Ph. D(Radio Chem.)(Salford)

PENOLONG REKTOR

(PERHUBUNGAN PELAJAR)

Profesor Dr. Ahmad @ Abdul Rahim bin Haji Zainuddin
Dip. in Art & Design (Graphic)(ITM),
M.A(Advert. Design)(Michigan), Ph. D
(Managing Design)(Manchester Metropolitan)

PENOLONG REKTOR (KUALITI)

Profesor Dr. Adnan bin Alias

B.A(Hons.)(Antropology/Sociology) (UM),
MBA(Int. Bus. Mgmt.)(Leuven), Ph. D(Int. Bus.
Admin)(Nova)

PENOLONG REKTOR (JAMINAN DAN

PENILAIAN KUALITI AKADEMIK)

Profesor Dr. Syed Abdul Kader Al-Junid
KMN, SMS

Dip. in Elect. Eng. (Tech. Coll.), B. Sc. (Elect.
Eng.)(Hons.)(Strathclyde), M. Sc. (Systems
Eng.)(Surrey), Ph.D(Elect. Eng.) (California),
I.E.M, A.S.A.S.I.

PENOLONG REKTOR (PEMBANGUNAN

PERNIAGAAN DAN ALUMNI)

Profesor Dr. Khalifah bin Othman, AMP
DBS(ITM), B. Sc(Fin.)(N. Illinois), MBA
(N. Illinois), Ph.D(Mktg.)(Stirling)

PENOLONG REKTOR

(PERANCANGAN STRATEGIK)

Profesor Dr. Abdul Halim bin Mohd. Nawawi
B. Econ. (Stats.)(UM),
MBA(Fin.)(Leuven), DBA(Fin.)(Nova)

PENOLONG REKTOR

(TUGAS-TUGAS KHAS)

Profesor Dr. Ibrahim bin Ismail
B.Elect. Eng.)(Auckland), M.S(Elect.
Eng.)(Ohio), Ph.D(Elect. Eng.)(Kent),
M.I.E.M

DEKAN KAJIAN, KETUA PUSAT DAN KETUA BAHAGIAN

KAJIAN PERAKAUNAN

Profesor Dr. Juhari bin Samidi

BIM(U.K., ACCA(U.K.),
MBA(Acc.)(Ohio), Ph. D(Bus.
Admin.)(Arkansas)

KAJIAN SENI LUKIS DAN SENI REKA

Profesor Dr. Muhamad Tamyes bin Haji Bajuri

Dip. in Art & Design (ITM), M.A(Ind.
Design)(CNAA), Ph. D(Ind. Design)
(Manchester Poly.)(CNAA)

KAJIAN PENTADBIRAN DAN UNDANG-UNDANG

Zita bt. Hj. Mohd. Fahmi

LL.B(Hons.)(U.K), Master of Law (London)

KAJIAN SENI BINA, PERANCANGAN DAN UKUR

Dr. Haji Rustam bin Abbas

B.Sc. (Hons.)(Housing Build. & Plan.
(USM), M.Sc. (Planning)(USM), Ph. D
(Local Econ. Dev.)(Birmingham)

KAJIAN SAINS GUNAAN

Profesor Dr. Sulong bin Haji Kamaruddin

DVM (Bangladesh), M.Sc(Vet.
Microbiology)(Minnesota)

KAJIAN PERNIAGAAN DAN PENGURUSAN

Profesor Madya Dr. Mohd. Tahir bin Haji Abdul Hamid

CIM(U.K). B.Sc. (Mktg. & Mgmt.)
(Syracuse), MBA(Mktg.)
(Central Michigan),
Ph. D(Mktg.)(UWIST)

KAJIAN SAINS MATEMATIK DAN KOMPUTER

Encik Azizi bin Ngah Tasir

B. Sc(Hons.)(Computer Sc.)(Adelaide),
M.Sc. (Computer Sc.)(Indiana)

KAJIAN KEJURUTERAAN

Mohd Khalid bin Mohd Omar

Dip. L.S (ITM), B.Sc. (Hons)(CNAA),
M.Sc. (London) MIS
(Pemangku Dekan sehingga 31/07/96)

KAJIAN KEJURUTERAAN AWAM

Profesor Madya Ir. Hj. Mohd. Salleh bin Mohd. Noh

Dip. Civil Eng. (ITK), B. Sc. Civil Eng.
(Glasgow), M. Sc (Structural Eng.)
(Strathclyde), MIEM, P. Eng. (MCSM)
(mulai 01/08/96)

KAJIAN KEJURUTERAAN ELEKTRIK

Dr. Ahmad Hairi bin Abu Bakar

Dip. Elect. Eng. (Electronics) (ITM), Adv.
Dip. Elect. Eng. (ITM), M. Sc. Elect. Eng.
(Syracuse), Ph. D Elect. Eng. (Leeds)
(mulai 1 Ogos 1996)

KAJIAN KEJURUTERAAN MEKANIKAL

Profesor Ir. Dr. Abd. Ghani bin Ujang

Dip. (Tech. Coll.), B. Sc. (Hons) (CNAA),
Ph. D. (Nottingham), MIEM, P. Eng.
(mulai 01/08/96)

KAJIAN PENGURUSAN HOTEL DAN PELANCONGAN

Chek Zaini bt. Hassan

Dip. (Hotel Mgmt.)(ITM), B. Sc. (Inst.
Food Service Mgmt.)(New Haven),
M. Sc. (Human Nutrition & Food Services
Mgmt.)(Nebraska)

KAJIAN SEBARAN AM

Profesor Madya Dr. Baharuddin bin Abdul Aziz

Dip. (Mass Comm.)(ITM), M.S.
(Broadcasting & Film)(Boston), Ph. D
(Telecomm. & Film)(Oregon)

KAJIAN SAINS KESETIAUSAHAAN

Wan Abdul Aziz bin Abdul Kadir

Dip. Stenography (ITM), B.A. (Bus. Ed.) (Wilmington), M.(Bus. Ed) (Morehead St.)

KAJIAN SAINS PERPUSTAKAAN DAN MAKLUMAT

Profesor Madya Dr. Raja Abdullah bin Raja Yaacob

ALA(U.K), M.Sc (Library Sc.)(Case W. Reserve), M.A (History/Archive)(Case W. Reserve), Ph. D (Infor. & Library Studies)(Michigan)

KAJIAN SUKAN DAN REKREASI

Y. Bhg. Dato' Dr. Mohd. Saberi bin Mohd Salleh,

DPMT, AMN, PJC, PJK, Order of Friendship (DPRK)

Dip. Voc. Photo. (Glasgow), B.A (Cinematography)(Brooks), M.Sc (Photography)(Brooks), Ph. D(Physical Culture)(Moscow), A. Inst. SRM (U.K)

PUSAT PENDIDIKAN LANJUTAN

Hamidah bt. Junid

DIA(ITM), BBA(Mktg.)(Ohio), MBA (Mktg.)(New Haven)

PUSAT KURSUS LUARAN

Profesor Madya Hajah Hawa bt. Haji Hamidon

Dip. Acc. (W.A.I.T) AASA (Aust.), R.A(M)

PUSAT PENDIDIKAN PERSEDIAAN

Profesor Ir. Dr. Mohamed Dahalan bin Mohamed Ramli

B.E. (Mech. Eng.), (Jadavpur), M. Sc. (Mech. Eng.)(Washington St.), Ph. D (Mech. Eng.)(Sussex), M.I.E.M, P. Eng.

PUSAT PENDIDIKAN ISLAM

Md. Amin bin Hj. Abd Rahman

B.Jurisprudence & Law (Al-Azhar), Sarjana Pengajian Islam (Dakwah & Kepimpinan)(UKM)

PUSAT BAHASA

Profesor Madya Syed Omar bin Syed Mohamed

Sijil Pendidikan (Madinah), B.A (Syariah) (Madinah), M.A (Arabic)(Michigan)

PUSAT PEMBANGUNAN USAHAWAN MALAYSIA (MEDEC)

Zainal bin Lode

B.Sc. (Soc. Sc.)(USM), MBA (Bus. Mgmt.) (Hawaii), AIM (Phillippines) (hingga 31/08/96)

Dr. Nawawi bin Haji Mohd. Jan

B.A (Chemistry), M.A (Ind. Mgmt.), Ph. D (Entrepreneurship & Strategic Mgmt.) (mulai 01/09/96)

PUSAT SUMBER PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

Profesor Dr. Zulaiha bt. Mohamed Ismail

B.A (Pol. Sc. & Hist.)(S'pore), Dip. Ed. (S'pore) M.A. (Hum. Res. Dev.)(E. Carolina), M.A (Ed. & Psych.)(E. Carolina), Ph. D (Hum. Res. Dev.)(Washington)

BIRO PENYELIDIKAN DAN PERUNDINGAN

Dr. Nor Saadah bt. Hj. Ismail

B.Sc. (Hons.)(Chemistry)(Loughborough), Ph. D(Chemistry)(N. Illinois)

PUSAT SISTEM MAKLUMAT BERSEPADU

Profesor Dr. Padma Nathan

B. Eng. (Hons.)(Mechanical)(Liverpool), MBA (Manufacturing Mgmt.) (Strathclyde), Ph. D (Project Mgmt. System)(Brunel)

BIRO PENYEDIAAN TEKS (BIROTEKS)

Profesor Dr. Nor Khomar bt. Haji Ishak

DHCM (ITM), BSBA (Hotel & Rest. Mgmt.) (Denver), MSBA (General Bus.) N. Colorado), Ph. D (Hotel & Rest.) (Virginia Tech.).

PUSAT INOVASI

Profesor Dr. Haji Humam bin Haji Mohamed

B. Econs (Bus. Admin)(Malaya), MBA (Bus. Mgmt.)(AIM), Ph. D(Bus. Admin.) (Stirling)

PUSAT CADEM

Dr. Ahmad Hairi bin Abu Bakar
Dip. Elect. Eng. (ITM), Adv. Dip. Elect. Eng. (ITM), M. Sc(Elect. Eng.)(Syracuse), Ph. D (Elect. Eng.)(Leeds)
(hingga 31/07/96)

Dr. Hj. Anuar b. Hj. Ahmad
B.Sc. & Edu. (Hons.)(UPM),
M.Sc. (Info. Eng.)(City U. London),
Ph. D (Instrumentation Eng.)(UMIST)
(mulai 01/09/96)

PUSAT PENGAJIAN PENGANGKUTAN MALAYSIA

**Y. M. Dr. Tengku Jamaluddin bin
Tengku Mahmud Shah**
FCIT (U.K), Post Grad. DMS (Shipping Mgmt.)
(Plymouth), M.Sc. (Shipping & Maritime
Studies)(Liverpool),
Ph. D (Shipping & Int'l Tpt.)(UWCC)

PEJABAT PEMBANGUNAN

**Profesor Dr. Hj. Munshi & Munsi bin
Abd. Hamid**
Dip. (Building Eco.)(ITM), B. Sc.
(Building Tech. & Mgmt.)(Brighton Poly.),
M. Sc. (Ind. Cons. Mgmt.)(Colorado St.),
Ph. D (Labour Productivity)(Dundee)

PEJABAT SELENGGARAAN

Alias bin Taib
Dip. Civil Eng. (ITM), M. Sc. (Facilities
Mgmt.)(Strathclyde)

PROVOS-PROVOS KAMPUS CAWANGAN

ITM CAWANGAN SABAH

Zainuddin bin Osman

Dip. in Stats. (ITM), B. Sc. (Stats.)(Iowa St.)
M. Sc. (Stats.)(W. Michigan)

ITM CAWANGAN SARAWAK

Profesor Madya Dr. Arshad Hashim

DPM (ITM), Sarjana Pertanian (Bogor),
M. Sc(Agic. Dev. Ghent), Ph. D (Int.
Mktg.)(Aberdeen)

ITM CAWANGAN PERLIS

Profesor Madya Dr. Bukhory bin Haji Ismail

Sarjana Muda (Jurnal.), Sarjana (Drs.)
(Jurnal)(U. Padjadjaran Indon.)
M.A (Photojour.)(Michigan. St.),
Ph. D(Jour, Mass Comm.)(Ohio)

ITM CAWANGAN TERENGGANU

Profesor Madya Dr. Mohamad bin Muda

DICM (ITM). Dip. (Rourism Studies)
(Boumemouth), Final Membership
(HCIMA)(U.K), M. Sc (Hotel Rest.
& Travel Admin.)(Massachusetts),
Ph. D (Hotel & Rest./Hosp. Mgmt.)
(Strathclyde)

ITM CAWANGAN JOHOR

Profesor Dr. Haji Mohd. Sahar bin Sawiran @ Sauian

Cert. Ed. (Penang), B. Econ. (Hons.)
(Stats.)(Malaya), MBA (Q.M & Int. Bus.)
(Leuven), Ph. D(Q.M)(Wales,
F.R.S.S (U.K)

ITM CAWANGAN MELAKA

Profesor Madya Dr. Ibrahim Kamal bin Abdul Rahman

DIA(ITM), BBA (Acc.) (Washington),
MBA (Fin. W. Illinois), Ph. D (Acc.)
(Hull)

ITM CAWANGAN PERAK

Haji Mohd. Salleh bin Haji Ismail

B. Sc. (Physic)(U.M),
M. Sc. (Stats)(N. Illinois)

ITM CAWANGAN PAHANG

Profesor Dr. Haji Ishak Ab. Ghani @ Ab. Rani

Inst. of Statisticians (U.K)
M. Sc. (App. Stats.)(Purdue),
Ph. D (App. Stats.)(U.C.R)

ITM CAWANGAN KELANTAN

Profesor Madya Haji Abdullah bin Mohamad

Sijil Perguruan (PLD)(K. Terengganu),
B. Sc. (Hons.)(USM), MPA (Urban
Mgmt.) (Pittsburgh)

ITM CAWANGAN PULAU PINANG

Profesor Madya Ir. Abdullah Suhaimi bin Mohamed

Adv. Dip. (Mech.)(ITM), Post Grad. Dip.
Tech. Sc. (UMIST), MIEM, P. Eng. (M)
(mulai 15/06/96)

JURUAUDIT

Bahagian Perusahaan Awam Persekutuan
Tingkat 12, Bangunan KUWASA
Jalan Raja Laut
50510 KUALA LUMPUR

LAPORAN REKTOR



YANG BHG. DATO' IR DR. HAJI AHMAD ZAIDEE BIN HAJI LAIDIN
DPMP, KMN
REKTOR
INSTITUT TEKNOLOGI MARA

MUKADIMAH

Tahun 1996 telah berlalu pergi. Usia Institut meningkat setahun lagi. Peranan Institut beranjak ke tahap yang lebih tinggi.

Tahun 1996 telah berlalu sebagai tahun yang amat bersejarah bagi institut ini. Kalau pada bulan Oktober tahun 1967, Allahyarham Tun Abdul Razak telah meletakkan batu asas bagi pembangunan prasarana kampus baru Institut Teknologi MARA di Shah Alam, pada bulan Oktober tahun 1996 pula, Y.B. Mohd Najib Tun Razak, Menteri Pendidikan Malaysia, telah meletakkan batu asas bagi era baru Institut ini.

Perkembangan peranan baru Institut ini berlandaskan kepada pindaan Akta ITM. Setelah melalui beberapa proses, rang undang-undang ITM (Pindaan) 1996 telah dibentangkan pada mulanya di Dewan Rakyat dan kemudiannya di Dewan Negara di pertengahan tahun lalu. Seterusnya Akta pindaan ini telah mendapat perhatian dan persetujuan dari DYMM Yang Dipertuan Agong. Proses pemindaan ini selesai apabila Akta ITM (Pindaan) 1996 diwartakan dalam bulan Oktober.

Ekoran dari kelulusan pindaan Akta ITM ini, Institut telah diberi mandat untuk:

1. Menamakan semua kursus Diploma dan Diploma Lanjutan yang setaraf dengan Ijazah Sarjana Muda sebagai Ijazah Sarjana Muda.
2. Menawarkan kursus di peringkat Sarjana tanpa menerusi program berkembar dengan universiti lain.
3. Menawarkan kursus di peringkat Doktor Falsafah.

Akta ITM (Pindaan) 1996 juga telah memberi ruang untuk penganugerahan Ijazah Sarjana Muda secara retrospektif. Para graduan ITM di Peringkat Diploma dan Diploma Lanjutan yang setaraf dengan Ijazah Sarjana Muda yang terdahulu dari tarikh ini, mereka juga dibolehkan untuk menukar Diploma dan Diploma Lanjutan dengan Ijazah Sarjana Muda yang baru. Pihak Institut telah pun mengatur mekanisme untuk melaksanakan proses penukaran ini.

Lanjutan dari pindaan Akta ITM ini juga, Majlis ITM telah digantikan dengan Lembaga Pengarah ITM. Jawatan Pengarah ITM telah ditukarkan kepada Rektor ITM. Senat telah diwujudkan bagi

menggantikan Jemaah Dekan-Dekan dan Ketua Bahagian. Pengetua Kampus Cawangan ITM digelar Provos. Pensyarah Gred Khas dengan rasminya dipanggil Profesor.

Pada tahun 1996, ITM telah merayakan ulangtahunnya yang ke-40. Dalam tahun ini juga, bilangan besar graduan ITM telah mencecah dan melebihi angka 100,000 orang; diambilkira sejak ITM ditubuhkan dengan nama Dewan Latihan RIDA pada tahun 1956. Bagi pihak ITM, saya turut merasa bangga dengan bilangan graduan yang telah dilahirkan dalam pelbagai bidang profesional dan saya berdoa agar mereka berjaya di dalam bidang yang mereka ceburi.

Kementerian Pendidikan telah menyarankan agar enrolmen Institut ini ditingkatkan kepada 100,000 orang pelajar pada tahun 2000. Jumlah ini merupakan sekali ganda dari bilangan pelajar dalam tahun laporan. Objektif ini sungguh mencabar memandangkan tahun 2000 hanya tiga tahun lagi.

Menyentuh tentang 100,000 enrolmen pelajar ini, saya teringat akan kata-kata Y.Bhg. Tan Sri Ghazali Shafie, bekas Pengurus Majlis ITM yang pertama, semasa beliau diminta memberi ucapan dalam Majlis Konvokesyen Perdana Alumni ITM yang telah diadakan pada 6-8 Disember 1996. Beliau dengan spontan telah menarik perhatian hadirin sekalian kepada logo ITM yang terletak tinggi di Dewan Sri Budiman. Dengan tersenyum beliau mengingatkan kita, "Dalam logo ITM ada dacing. Peranan ITM adalah sebagai dacing, sebagai pengimbang".

Maka itulah sebenarnya peranan ITM.

Lembaga Pengarah ITM

Berikut dengan kelulusan Parlimen mengenai Akta ITM (Pindaan) 1996 pada 17 Oktober 1996, Majlis ITM telah dibubarkan dan digantikan dengan Lembaga Pengarah ITM. Lembaga ini dianggotai oleh sembilan (9) orang ahli yang terdiri daripada:

1. Y.Bhg. Tan Sri Datuk Wira Abdul Rahman bin Arshad Pengerusi Pengurusi Bank Industri Malaysia Bhd.
2. Y.Bhg. Datuk Haji Zahani bin Tan Sri Ahmad Ahli Pengurus BEP Akitek Sdn. Bhd.

3.	Y.Bhg. Datuk Haji Mohd Taha bin Ariffin Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak	Ahli
4.	Y.Bhg. Datuk Ismail bin Zakaria Ketua Eksekutif Sime Bank Berhad	Ahli
5.	Y.Bhg. Datuk Haji Abdul Rashid bin Haji Abdul Rahman Timbalan Ketua Setiausaha 1 Kementerian Pendidikan Malaysia	Ahli
6.	Puan Maznah binti Abdul Jalil Senior Group Director DRB-HICOM	Ahli
7.	Encik Mohd Ibrahim Mohd Zain Pengerusi Eksekutif Pan Malaysia Industries Berhad	Ahli
8.	Tuan Haji Mohamed Noor bin Haji Mat Ali Timbalan Setiausaha Bahagian Pentadbiran Perpendaharaan Malaysia	Ahli

Ahli yang kesembilan ialah Rektor ITM sementara Pendaftar ITM diberi tugas sebagai Setiausaha.

Saya juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua bekas ahli-ahli Majlis ITM di atas sumbangan mereka terhadap Institut ini. Mereka ialah:

1. Y.Bhg. Tan Sri Dato' Ir. Wan Abdul Rahman bin Haji Wan Ya'acob
Bekas Ketua Pengarah Kerja Raya
2. Y.Bhg. Dato' Mohd Nadzmi bin Mohd Salleh
Bekas Pengarah Urusan PROTON
3. Encik Abdul Rahman bin Mohd Ali
Wakil Ketua Pengarah Pendidikan
4. Tuan Haji Mohsin bin Mohd Khir
Wakil Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam


5. Puan Noor Bee binti Ariffin
Wakil Peguamcara Negara
6. Tuan Haji Nik Mohd Affandi bin Nik Yusoff
Ketua Pengarah MARA

Tahniah. Bagi pihak ITM, saya juga ingin mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan setinggi tahniah kepada Y.Bhg. Dato' Haji Zahani bin Tan Sri Ahmad di atas penganugerahan Bintang Dato' Paduka Mahkota Selangor (DPMS) sempena dengan Hari Keputeraan DYMM Sultan Selangor Darul Ehsan pada 9 Mac 1996.

Kakitangan

Di penghujung tahun laporan, bilangan kakitangan di Institut ialah seramai 6,551 orang. Dari jumlah ini, 2,777 orang atau 42.4% daripadanya adalah staf akademik manakala 3,774 orang lagi atau 57.6% adalah staf bukan akademik. Daripada jumlah staf bukan akademik pula, 317 orang atau 8.4% adalah terdiri daripada Staf Kumpulan Pengurusan dan Profesional manakala 3,457 orang atau 91.6% pula terdiri dari Staf Kumpulan Sokongan.

Daripada jumlah 2,777 staf akademik, 31 adalah Profesor dan 110 adalah Profesor Madya. Pecahan staf akademik mengikut tahap kelulusan adalah seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 1.



Biasiswa staf. Pada tahun 1996, seramai 178 orang staf telah ditawarkan biasiswa untuk melanjutkan pengajian ke peringkat Ph.D (73 orang), Sarjana (88 orang) dan lain-lain. Sementara itu, seramai 146 orang staf telah melaporkan diri setelah tamat mengikuti

pengajian masing-masing. Dari jumlah ini, 32 adalah lulusan Ph.D, 99 lulusan Sarjana dan 17 lagi di peringkat Sarjana Muda.

Di akhir tahun laporan, seramai 353 staf sedang melanjutkan pelajaran. Pecahan data menunjukkan 148 adalah di peringkat Ph.D, 165 Sarjana manakala 40 lagi di peringkat Sarjana Muda.

Pengembangan staf. Pihak pengurusan Institut sentiasa memberi penekanan terhadap pengembangan stafnya. Ini ternyata dengan penglibatan Bahagian Latihan dan Biasiswa dalam menjalankan kursus dalaman. Di sepanjang tahun laporan, bahagian ini telah menganjurkan 117 kursus yang diulang-ulangi dari sembilan modul dan telah memberi manfaat kepada 5,229 staf.

Meninggalkan perkhidmatan. Sejumlah 168 orang staf telah meninggalkan perkhidmatan dalam tahun laporan. Daripada jumlah ini, 70 staf akademik manakala 98 orang lagi adalah bukan akademik. Daripada jumlah 168 orang ini, 108 orang telah berhenti (56 staf akademik, 52 staf bukan akademik), 50 orang telah bersara (12 staf akademik, 38 staf bukan akademik) dan 10 (2 staf akademik, 8 staf bukan akademik) orang lagi telah meninggal dunia.


Pelajar

Pengambilan. Tahun 1996 telah menyaksikan pengambilan 13,302 orang pelajar sepenuh masa dan 4,900 orang pelajar separuh masa. Data menunjukkan pengambilan pelajar sepenuh masa berada di tahap yang sama seperti di tahun sebelumnya tetapi pengambilan pelajar sepenuh masa telah meningkat sebanyak 22.8%.


Enrolmen. Pengambilan ini menjadikan enrolmen pelajar sepenuh masa kepada 37,310 orang manakala enrolmen pelajar separuh masa menjadi 8,892. Jumlah besar pelajar ITM ialah seramai 46,202. Bilangan ini menunjukkan peningkatan sebanyak 11% berbanding dengan enrolmen pelajar tahun 1995. Pecahan bilangan menunjukkan peningkatan sebanyak 8.9% bagi enrolmen pelajar sepenuh masa dan 20.9% bagi enrolmen pelajar separuh masa.

Bagi enrolmen sepenuh masa, rekod menunjukkan seramai 16,522 pelajar telah mengikuti pengajian mereka di kampus induk Shah Alam manakala 20,788 pelajar lagi telah mengikuti pengajian masing-masing di kampus

cawangan. Bagi enrolmen separuh masa pula, seramai 3,476 pelajar telah mengikuti kuliah mereka di kampus induk Shah Alam dan selebihnya, 5,416 pelajar, telah mengikuti kuliah mereka di kampus cawangan. Rajah 2 dan Rajah 3 masing-masing memaparkan taburan enrolmen pelajar sepenuh masa dan separuh masa kampus cawangan.




Rajah 2. Enrolmen pelajar sepenuh masa mengikut kampus cawangan.



Rajah 3. Enrolmen pelajar separuh masa mengikut kampus cawangan.

Dari segi tahap pengajian pula bagi enrolmen sepenuh masa, seramai 139 (0.4%) pelajar telah mengikuti kursus di peringkat Sarjana, 6,377 (17.3%) pelajar di peringkat Sarjana Muda, 27,788 (75.7%) pelajar di peringkat Diploma dan selebihnya adalah pelajar Matrikulasi, Pra-Diploma, Sijil dan pelajar Pusat Kursus Luaran. Rajah 4 menunjukkan pecahan peratusan enrolmen peratusan enrolmen mengikut tahap pengajian.

Keputusan peperiksaan. Keputusan peperiksaan akhir semester bagi pelajar sepenuh masa menunjukkan prestasi yang baik. Rekod perubatan bulan Mei 1996 menunjukkan 97.4% telah berjaya manakala 2.6% gagal sementara



peperiksaan bulan November 1996 menunjukkan 97% berjaya dan 3% gagal. Bagi pelajar separuh masa pula, 80.6% berjaya dan 19.4% gagal dalam peperiksaan bulan Mei 1996 berbanding 82.4% berjaya dan 17.6% gagal dalam peperiksaan bulan November 1996.

Graduan. Dalam tahun laporan, Institut telah berjaya melahirkan seramai 8,915 graduan dalam pelbagai bidang profesional. Rekod menunjukkan daripada jumlah ini, 75 (0.8%) graduan Ijazah Sarjana, 2,431 (27.3%) graduan Ijazah Sarjana Muda, 5,854 (65.7%) graduan Diploma dan selebihnya adalah lulusan



Diploma Lepasan Ijazah dan lulusan Sijil. Rajah 5 memaparkan pecahan peratusan graduan mengikut tahap pengajian.

Akademik

Kajian baru. Sebuah kajian baru, Kajian Sains Sukan dan Rekreasi, telah ditubuhkan dalam tahun 1996. Kajian ini telah ditubuhkan

bertujuan untuk melahirkan graduan yang terlatih dalam bidang pengurusan sukan dan rekreasi. Seramai 148 pelajar telah mendaftar bagi kursus Diploma Sains Sukan dan Rekreasi bagi pengambilan pertama pada bulan Januari 1996. Bagi pengambilan pada bulan Julai, 156 pelajar lagi telah mendaftarkan diri. Dalam bulan September, kursus separuh masa Sarjana Sains Sukan telah dimulakan dengan pendaftaran seramai 35 orang pelajar.

Dalam bulan Ogos tahun laporan, Kajian Kejuruteraan telah dirombak dan disusun semula menjadikannya tiga kajian baru iaitu: Kajian Kejuruteraan Awam, Kajian Kejuruteraan Elektrik dan Kajian Kejuruteraan Mekanikal. Pihak Institut sangat berharap dengan wujudnya kajian kejuruteraan dalam bidang yang tersendiri, setiap kajian ini akan dapat berkembang dengan lebih pesat lagi.

Kursus baru. Dalam tahun 1996, 13 kursus baru telah diperkenalkan. Jumlah ini telah menjadikan bilangan kursus yang ditawarkan oleh Institut sebanyak 129 kesemuanya.

Kajian dan kursus yang terlibat ialah:-

Kajian Sebaran Am:

Sarjana Komunikasi Massa
Usahasama di antara ITM dengan OHIO University

Kajian Perakaunan:

Sarjana Perakaunan
Usahasama di antara ITM dengan Curtin University of Technology, Australia

Kajian Sains Sukan dan Rekreasi:

Sarjana Sains Sukan
Usahasama di antara ITM dengan University of New South Wales, Australia

Kajian Perniagaan dan Pengurusan:

Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan (Kepujian) (Perniagaan Antarabangsa)


Kajian Sains Gunaan:

Diploma Farmasi
Diploma Kejururawatan
Diploma Pemulihan Anggota
Diploma Pemulihan Cara Kerja
Diploma Pengimejan Perubatan
Diploma Kesihatan Persekitaran
Diploma Teknologi Makmal Perubatan

Kajian Pengurusan Hotel dan Pelancongan:

Sijil Kemahiran Kulinari
Sijil Kemahiran Operasi Hotel

Dari jumlah kursus yang ditawarkan, 8 di peringkat Sarjana, 52 di peringkat Sarjana Muda, 50 di peringkat Diploma dan selebihnya adalah kursus Pra-Diploma, Sijil dan Matrikulasi. Rajah 6 memaparkan pecahan kursus mengikut peringkat pengajian.



Penulisan. Di samping menyampaikan syarahan seperti yang telah diamanahkan, staf akademik juga turut menyebarkan ilmu menerusi penulisan. Dalam tahun laporan, pensyarah telah dapat menghasilkan sebanyak 27 buah buku dan 183 artikel penulisan menerusi jurnal dan majalah. Menerusi seminar pula, 103 kertas kerja telah dibentangkan di seminar peringkat antarabangsa manakala 232 kertas kerja lagi telah dibentangkan di seminar peringkat kebangsaan, negeri dan dalaman.

Penyelidikan dan perundingan. Tugas para akademik termasuk mendidik dan menyelidik. Oleh itu kepakaran kakitangan akademik telah dapat dimanfaatkan menerusi aktiviti penyelidikan dan perundingan. Di sepanjang tempoh tahun laporan, 29 projek penyelidikan dan 81 projek perundingan telah dapat dijalankan oleh pensyarah. Seramai 25 orang pensyarah telah melibatkan diri dalam enam projek penyelidikan di bawah mekanisme IRPA dengan peruntukan sebanyak RM1.55 juta.

Seminar dan simposium. Dalam tahun tempoh laporan, pihak Institut telah menganjurkan beberapa seminar dan simposium di peringkat kebangsaan. Di antaranya ialah:

- Seminar *Quality Management in Food Services Sanitation and Hygiene*
11-12 Mac 1996
(Kajian Pengurusan Hotel dan Pelancongan)
- *National Seminar on Research in Language Teaching and Learning*
10-11 Jun 1996
(Pusat Bahasa)
- *Symposium on Environmental Conservation and Management in Malaysia Challenges in the Tourism Industry*
6 Ogos 1996
(Kajian Pengurusan Hotel dan Pelancongan)
- Seminar Kebangsaan Perakaunan
21 Ogos 1996
(Kajian Perakaunan)
- Seminar Al-Imara
15-16 Julai 1996
(Kajian Senibina, Perancangan dan Ukur)
- Seminar Tasawwur Islam
3-4 September 1996
(Pusat Pendidikan Islam)
- Simposium Kebangsaan Matematik ke-7
Anjuran bersama ITM dengan Persatuan Matematik Malaysia
3-5 Disember 1996
(Kajian Sains Matematik dan Komputer)

Panel Penasihat Akademik. Setiap kursus yang ditawarkan di Institut adalah dalam pengawasan Panel Penasihat Akademik. Ahli panel terdiri dari mereka yang berpengalaman dari bidang yang berkaitan dari badan profesional dan industri. Tugas mereka ialah untuk menentukan kurikulum yang menepati kehendak pasaran pekerjaan. Dalam tahun laporan, jumlah ahli Panel Penasihat Akademik yang terlibat dengan Institut seramai 149 orang.

Pemeriksa Luar. Selain dari Panel Penasihat Akademik, kajian dan kursus juga diawasi oleh Pemeriksa Luar yang terdiri dari Profesor dari universiti tempatan atau luar negara atau pakar dalam bidang berkenaan. Tugas Pemeriksa Luar khusus untuk menentukan tahap akademik yang setanding dengan mana-mana institusi pengajian tinggi yang lain dari dalam maupun dari luar negara. Dalam tahun 1996, terdapat 57 orang Pemeriksa Luar yang dilantik oleh Institut.

Memorandum Persefahaman

Di sepanjang tahun 1996, sebanyak 22 memorandum persefahaman telah dimeterai di antara Institut dengan organisasi luar untuk mengeratkan lagi perhubungan yang telah pun sedia terjalin. Di antaranya ialah:

- Persatuan Kontraktor Melayu Malaysia Cawangan Perak dengan ITM Cawangan Perak (17 Mei 1996)
- Permodalan Nasional Berhad dengan Kajian Sains Kesetiausahaan (23 Mei 1996)
- Hicom Leisure Berhad dengan Kajian Pengurusan Hotel dan Pelancongan (2 Julai 1996)
- JTM dan Celcom dengan Kajian Kejuruteraan Elektrik (11 Oktober 1996)
- Dewan Usahawan Bumiputera dengan ITM Cawangan Sarawak (21 September 1996)
- Polytechnics of Expoo, Vantaa, Kymenlaakso and South Carelia, Finland dengan Institut Teknologi MARA (8 November 1996)
- The Queensland University of Technology dengan Institut Teknologi MARA (4 Disember 1996)

Kemajuan Fisikal

Di sepanjang tahun 1996, beberapa projek pembangunan telah siap untuk diduduki. Di antaranya ialah bangunan tambahan Kajian Seni Lukis dan Seni Reka, Kajian Sains Matematik dan Komputer, Pusat Inovasi dan Stor Pusat yang kesemuanya adalah projek di kampus induk Shah Alam.

Di cawangan pula, beberapa projek pembangunan telah siap di antaranya Kampus

Cawangan ITM Perak, Kampus Cawangan ITM Kelantan, bangunan Stor Pusat dan Pusat Sumber Pengajaran dan Pembelajaran (PSPP) di Kampus Cawangan Perlis, bangunan Akademik dan Rumah Kakitangan di Kampus Cawangan ITM Terengganu dan Pusat Islam di Kampus Cawangan ITM Sabah.

Sementara itu beberapa projek lain masih lagi di peringkat pembinaan. Di antaranya ialah Kampus Cawangan ITM Sarawak di Kota Samarahan (85% siap), Kampus Cawangan ITM Kedah (51% siap), bangunan Perpustakaan dan Dewan Besar di Kampus ITM Cawangan Johor (99% siap), bangunan Perpustakaan dan PSPP di Kampus Cawangan ITM Melaka (35% siap) dan bangunan PSPP di Kampus ITM Cawangan Pahang.

Kewangan

Perbelanjaan mengurus. Pendapatan Institut adalah terdiri daripada sumbangan daripada kerajaan, sumbangan pelajar, hasil dari simpanan bank serta sumber-sumber lain. Dalam tahun laporan, sumbangan daripada kerajaan berjumlah RM345,113,800 manakala hasil daripada sumber Institut berjumlah RM21,061,286. Jumlah besar pendapatan Institut ialah RM366,174,086. Perbelanjaan sebenar untuk tahun 1996 ialah sebanyak RM386,668,786. Angka menunjukkan lebihan perbelanjaan sebanyak RM20,494,700.

Perbelanjaan pembangunan. Peruntukan pembangunan adalah untuk pembinaan fizikal dan prasarana. Pada tahun laporan peruntukan pembangunan berjumlah RM118,141,078. Namun jumlah yang dibelanjakan sebanyak RM112,993,922. Lebihan peruntukan bagi tahun 1996 sebanyak RM5,147,156 akan dibawa ke tahun 1997.

Penganugerahan dan Pengiktirafan

Dalam tahun laporan 1996, Institut telah memenangi beberapa anugerah. Di antaranya ialah:

- **Anugerah Inovasi Perkhidmatan Awam** (Sistem berkomputer untuk peperiksaan pelajar)
20 Jun 1996
- **Anugerah Kualiti Ketua Pengarah** (Jabatan Perkhidmatan Awam)
7 November 1996

- **Anugerah Khas Perkhidmatan Awam**
(Pengurusan fail)
17 Disember 1996

Menangani Tahun 1997

Tahun 1996 telah berlalu tersimpan dalam lipatan sejarah. Tahun 1997 pasti akan menjelang membawa bersamanya seribu harapan diselangi dengan seribu cabaran. Institut ini akan terus melangkah mara ke hadapan bersama berderap dengan inspirasi negara menuju ke arah alaf yang baru.

Penumpuan dan penekanan bagi tahun 1997 adalah luas dan pelbagai. Di antaranya ialah:

Pengkorporatan. Difahamkan pengkorporatan IPT awam, termasuk ITM, akan dilaksanakan dalam tahun hadapan. Ini bermakna pengurusan IPT awam akan melangkah masuk ke era yang baru. Pihak Institut akan berusaha sedaya upaya untuk merealisasikan konsep pengkorporatan yang menjanjikan satu sistem pengurusan yang efektif lagi efisien.

Pusat Lepasan Ijazah. Institut akan menubuhkan Pusat Lepasan Ijazah untuk mengendalikan semua kursus di peringkat Sarjana dan Doktor Falafah. Setelah diberi mandat dan kepercayaan oleh Kementerian Pendidikan untuk menawarkan kursus di peringkat Sarjana dan Ph.D sendiri tanpa perlu berkembar dengan pihak lain, Pusat Lepasan Ijazah perlu diwujudkan untuk menangani perkara ini.

ISO 9002. Bersesuaian dengan masanya, pihak CTQE (Centre for Total Quality Education) akan berusaha untuk mendapatkan pengiktirafan ISO 9002 bagi Unit Peperiksaan. Piawaian seperti ini mempunyai pengertian yang besar bagi Institut memandangkan ia akan sekaligus memperakunkan sistem yang digunakan oleh Institut adalah menepati tahap yang diterima di seluruh dunia.

Sistem Maklumat Eksekutif. Bertepatan dengan masanya, Institut akan memperkenalkan penggunaan *Sistem Maklumat Eksekutif* di pertengahan tahun 1997. Adalah diharapkan sistem ini akan dapat memantapkan lagi kecekapan urusan harian Institut. Harapan ini berdasarkan kepada senario di mana semua data dan fakta yang terkini akan tersimpan dan tersedia untuk rujukan pihak pengurusan.

Pejabat Berelektronik. Pengenalan penggunaan

Sistem Maklumat Eksekutif akan membuka jalan untuk membolehkan sistem pengurusan Institut ditangani secara *paperless*. Hasrat untuk mewujudkan *Pejabat berelektronik* di Institut ini akan mengekori hasrat kerajaan untuk mewujudkan *Kerajaan berelektronik* di Koridor Raya Multimedia.

Sistem francais. Institut telah pun mulakan sistem francais dalam tahun laporan 1996. Beberapa jenis kursus yang difikirkan sesuai telah difrancaiskan. Bagi tahun akan datang, sistem francais ini akan diperluaskan untuk membolehkan lebih ramai pelajar Bumiputera mengikuti kursus ITM dan tamat dengan Diploma ITM. Dengan cara ini, secara tidak langsung, ITM akan dapat meningkatkan lagi bilangan Bumiputera yang terdidik dan terlatih.

Sistem Modular. Institut akan berusaha untuk memperkenalkan sistem modular dalam tahun 1997. Sistem yang luwes ini akan membolehkan pelajar mengambil matapelajaran lain luar dari bidang mereka berdasarkan minat dan ingin mendalaminya. Sistem ini akan dapat membantu Institut melahirkan graduan yang luas skop pelajarannya.

Sistem Penghususan Berkembar. Sistem Penghususan Berkembar atau Double Major sekadar lanjutan dari penggunaan sistem modular. Difahamkan banyak universiti di barat mempraktikkan Sistem Penghususan Berkembar ini untuk melahirkan graduan yang boleh menepati cita rasa pasaran pekerjaan dengan lebih tepat lagi.

Pusat Latihan ITM. Pusat Latihan ITM di Perak akan mula beroperasi di awal tahun 1997. Pusat ini akan digunakan sepenuhnya untuk program pengembangan staf akademik, pentadbiran dan sokongan. Program latihan yang akan dikendalikan berbentuk kemahiran mahupun yang berunsur penerapan nilai-nilai murni dan etika pekerjaan yang direhdai.

Pada perhatian saya, Institut ini sentiasa dalam keadaan berkembang. Berkembang bererti berubah. Perubahan yang efektif melibatkan pengurusan perubahan atau *change management*. Pada hemat saya, salah satu daripada pendedahan dan kepakaran yang diperlukan oleh pihak pengurusan Institut sudah semestinya *change management*. Kepakaran ini akan membantu mereka menentukan hasil perubahan yang terbaik.

Akhirulkalam, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada setiap warga Institut

yang telah membantu saya secara langsung ataupun tidak dalam saya menjalan tugas yang telah diamanahkan ini. Dengan bantuan semua, saya yakin kita akan mampu bersama-sama mengangkat martabat Institut ini ke tahap yang

lebih cemerlang untuk menjadikannya sebagai obor yang menerangi masa hadapan dan harapan golongan Bumiputera. Insya-Allah.

Wassalam



Dato' Ir. Dr. Haji Ahmad Zaidee Ladin
DPMP, KMN
- An Awareness Study On The Management of Food Quality In The Malaysian Food Industries.
- Pengecaman Tumbuhan Bernilai Komersil di Hutan Simpan ITM Serta Penyaringan Bahan-Bahan Metabolit Sekundernya.
- Chemical Constituents Of Hedyotis Dichotoma

Seramai 25 orang pensyarah ITM telah berjaya melibatkan diri dalam enam projek penyelidikan di bawah mekanisma IRPA (Intensification of Research Priority Areas) pada tahun 1996. Kos keseluruhan bagi projek penyelidikan ini ialah **RM1.55 juta**. Projek tersebut ialah:

- Investigate the Cavitation Erosion of an Artificially Submerged Waterjet
- Development of Fuzzy Logic Controller for Improved Performance Ward Leonard Speed Control Systems
- Development of an Intelligent, Multi purpose Motion Controllers for Manufacturing Automation
- Switched Reluctance Drive as Alternative to Single Phase Induction Motor
- New Fuelling Strategies for Port Injected SI Engine Towards Improvement in Fuel Consumption and Exhaust Emission
- Remote Monitoring Power Quality Measurement System, and Computerised Power Quality Measurement

BIRO PENYELIDIKAN DAN PERUNDINGAN (BRC)

Biro Penyelidikan dan Perundingan (BRC) ditubuhkan sejak 1 April 1980 dengan objektif utama untuk menggalakkan penglibatan para pensyarah dengan kerja-kerja penyelidikan dan perundingan di dalam pelbagai bidang. Perjawatan BRC adalah terdiri daripada seorang Profesor Madya dengan empat Pensyarah Kanan berkelulusan ijazah kedoktoran serta dibantu oleh tujuh orang staf pentadbiran.

Sepanjang tahun 1996, sebanyak 29 projek penyelidikan jangka pendek telah dikendalikan menerusi BRC. Kos yang terlibat ialah **RM851,000.00** berbanding **RM743,000.00** pada tahun 1995. Antara projek-projek penyelidikan yang dijalankan termasuk:-

- Non Muslims Within the Islamic/Muslim Administration (The Islamization Setting) in Malaysia.
- Teknologi Komunikasi dan Proses Pembentukan Masyarakat Bermaklumat: Analisis Semula Peranan Media Elektronik di Malaysia.
- Screening of Microorganisms for Bioactive Compounds.
- Fabrication of Microstrip Circuits for Cellular Communication Applications.
- Wireless Data Communications - A Study for Bit Error Rate (BER) Modulation Type And Signal Speed.
- Development of A Portable Optical Fibre Sensors Measuring Instrument.

Pada tahun 1996, BRC telah mengendalikan sebanyak 81 projek perundingan. Sebahagian daripada projek perundingan ini adalah dalam bentuk latihan, yang dijalankan oleh Kajian Sains Kesetiausahaan, Kajian Perakaunan dan Kajian Perniagaan dan Pengurusan. Antara projek-projek utama adalah seperti berikut:-

- Consulting Services for Employee Study Project : Jabatan Panel Teknikal, Kementerian Pendidikan
- Research on Potential Video Market - TV3
- Production Management System for APMC
- Consultancy Services of Erosion and Sedimentation Study for Sg. Kurau

- Adequacy of Distance Learning Opportunities in The Klang Valley

Sempena Sambutan Ulang Tahun ITM ke-40, BRC telah menganjurkan Forum Pemindahan Teknologi di peringkat kebangsaan yang telah dirasmikan oleh Y. B. Dato Sri Rafidah Aziz, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri. Antara panelis yang mengambil bahagian dalam forum ini ialah Pengurus Eksekutif Tenaga Nasional, Datuk Dr Tajuddin Ali; Ketua Pengarah Institut Penyelidikan Getah, Datuk Dr Abdul Aziz Sheikh Abdul Kadir, Datuk Prof Dr Abdul Rashid Ismail dari Universiti Kebangsaan Malaysia dan Encik Anuar Mohd Noor, Ketua Pegawai Eksekutif MTDC. Forum ini telah dihadiri kira-kira 300 peserta. Rektor ITM sendiri telah sudi menjadi moderator bagi sesi pagi forum tersebut. Di majlis yang sama, BRC telah melancarkan 'homepage BRC', 'Directory of Expertise' dan juga mengadakan 'business kiosk' di sepanjang dua sesi forum berkenaan berjalan.

BRC turut menyertai Pameran Sains dan Teknologi (MINDEX '96) yang diadakan di Wisma MCA, Jalan Ampang, Kuala Lumpur, Encik Ku Halim Ku Hamid, pensyarah Kanan/penyelidik, dari Kajian Sains Gunaan yang mewakili ITM telah memenangi pingat perak dalam pameran berkenaan. Beliau juga telah memenangi hadiah Rekacipta Petronas 1995. Kedua-dua penganugerahan ini merupakan pengiktirafan ke atas hasil penyelidikan beliau yang bertajuk "Utilization of Used Bleaching Earth in the Production of Highly Porous Ceramics" yang dijalankan di bawah pembiayaan BRC.

Bagi mendapatkan pendedahan terkini mengenai pengurusan penyelidikan dan perundingan, empat Koordinator dan Ketua BRC telah melakukan lawatan sambil belajar ke Nanyang Technological University dan National University of Singapore, Singapura pada 27 hingga 29 November 1996. Ketua BRC juga telah mewakili negara ke Seminar Internasional Antisipasi Pendidikan dan Penelitian (Penyelidikan) Menghadapi Pasar Bebas ASEAN 2003 di Medan, Indonesia pada 18 Disember 1996. Dr. Hashim Kamil, Koordinator Pengurusan Perniagaan telah menghadiri konferensi mengenai pelesenan dan komersialisasi masing-masing di Perancis dan di United Kingdom. Beliau juga menghadiri ASAHL Conference di Singapura pada Disember 1996. Sementara Koordinator Sains Sosial, Dr. Azmuddin Ibrahim telah menjalani latihan penggunaan perisian penyelidikan di San Diego, California selama seminggu.

PUSAT PENGAJIAN PENGANGKUTAN MALAYSIA

Sepanjang tahun 1996, Pusat Pengajian Pengangkutan Malaysia telah melaksanakan banyak program yang berkaitan dengan bidang pengangkutan. Di antaranya ialah:

- (i) Bertindak sebagai Sekretariat kepada 'The National Aerospace Blueprint Study' oleh MIGHT.
- (ii) Sebagai Sekretariat dan 'Study Team' kepada 'The National Road Haulage Blueprint Study' oleh MIGHT.
- (iii) Petugas Khas di Kementerian Pembangunan Usahawan dalam menjayakan 'Conference on Malaysia Total Logistics' pada 6 - 7 Mei 1996 di Hotel Hilton, Kuala Lumpur.
- (iv) Sebagai Pengurus dan ahli panel dalam 'The Third International Conference Port and Shipping Asia: Challenges of the 21st Century' pada 21 - 22 Mei 1996 di Hotel Pan Pacific, Kuala Lumpur.
- (v) Jawatankuasa Bersama dan penyumbang artikel kepada Federation of Malaysia Freight Forwarders (FMFF) mengenai 'A Review in the Development of the air transport industry following its deregulation in 1978'.
- (vi) Anjuran bersama dengan Kementerian Pembangunan Usahawan dalam menjayakan Bengkel Kebangsaan Ke Arah Pengurusan Perkhidmatan Awam di Sungai Petani, Kedah pada 27 - 29 Mei 1996.
- (vii) Pengurus dan pembentang kertas kerja di seminar khas Kementerian Pembangunan Usahawan di Awana Golf and Country Resort, Genting Highland.
- (viii) Kajian Penubuhan Konsortium Teksi di Lembah Kelang termasuk Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah dan Lapangan Terbang Antarabangsa (KLIA) Sepang.
- (ix) Cadangan kurikulum baru kursus pemandu teksi anjuran Kementerian Pembangunan Usahawan.
- (x) Kursus Kereta Sewa/Teksi Berkualiti bagi Negeri Pahang.

- (xi) Kajiselidik Mengenai Tambang Bas Sekolah anjuran Kementerian Pembangunan Usahawan.
- (xii) Kajian Kemungkinan Mengalih Perkhidmatan Bas Mini anjuran Kementerian Pembangunan Usahawan.
- (xiii) Ahli Jawatankuasa Ekspos Pencapaian Ekonomi Bumiputra (Sektor Perkapalan dan Maritim) anjuran Wanita UMNO pada 25 Mac 1997.

PUSAT SUMBER PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

Pusat Sumber Pengajaran dan Pembelajaran (PSPP) adalah bertanggungjawab untuk melatih kakitangan akademik dalam kaedah pendidikan. Bagi mencapai hasrat tersebut, PSPP berusaha, menganjurkan kursus-kursus yang berkaitan dengan pengajaran dan pembelajaran kepada seluruh kakitangan akademik ITM.

Di samping itu PSPP juga berfungsi sebagai pusat yang memberi khidmat membantu pensyarah-pensyarah dalam penyediaan bahan-bahan pengajaran dan penggunaan teknologi pendidikan terkini.

Senarai kursus/seminar yang dianjurkan oleh PSPP 1996.

Bil.	Kursus/Seminar	Tarikh
1.	Bengkel Audio Visual - ITM Cawangan Terengganu	10/01/96
2.	Instructional Material Development - ITM Shah Alam	08 - 09/04/96
3.	Seminar Pendidikan Kebangsaan	12/04/96
4.	Instructional Material Development - ITM Cawangan Perak	23 - 24/04/96
5.	Bengkel Pengajaran Mata Pelajaran Pengurusan Hartanah Dalam Islam (UIS 307)	22 - 23/07/96
6.	Kursus Asas Pengajaran	04 - 14/06/96 11 - 21/06/96

- 7. Personality Type - A Tool for Understanding Yourself And Others 02/10/96
- 8. Video Conferencing CAPA, ITM Terengganu, Sarawak, Jengka 07 - 09/10/96
- 9. Helping Students Learn 17 - 18/10/96
- 10. Kursus Tuntutan Semasa Dari Perspektif Islam 24 - 25/10/96
- 11. Bengkel Penggunaan Windows 95 Melalui Video Conference Equipment 25 - 26/10/96
- 12. Kursus Excel 29/10/96

PEJABAT PERHUBUNGAN LUAR DAN ANTARABANGSA

Pejabat Perhubungan Luar dan Antarabangsa telah ditubuhkan pada September 1995, tetapi hanya mula beroperasi pada Januari 1996. Objektif utama penubuhan adalah menyelaras dan mengatur semua perhubungan luar dan antarabangsa ITM - suatu perkara yang difikirkan penting memandang keinginan ITM mainkan peranan yang lebih aktif di dalam industri serta pendidikan negara.

Kegiatan-kegiatan Pejabat Perhubungan Luar dan Antarabangsa dikategorikan kepada aktiviti luar (external) dan antarabangsa. Fokus utama aktiviti luar ITM adalah terhadap program prasains dan francais. Kedua-dua program ini diselaraskan oleh Koordinator masing-masing. Seterusnya, aktiviti-aktiviti antarabangsa dikendalikan oleh dua orang Koordinator. Pejabat Perhubungan Luar dan Antarabangsa diketuai oleh Penolong Rektor (Perhubungan Luar dan Antarabangsa).

KURSUS YANG DIJALANKAN

Pra Sains

Kod Kursus	Kursus
KP 08	Pra Sains Pra Sains ITM - Yayasan

Francais

Kod Kursus	Kursus
BM 11	Diploma Pengajian Perniagaan
AC 10	Diploma Perakaunan
AL 10	Diploma Pentadbiran Awam

**Aktiviti-Aktiviti Antarabangsa
(International)**

- (i) Aktiviti-Aktiviti Utama
- (a) Mengendalikan kesemua aktiviti nasional dan antarabangsa ITM.
 - (b) Membantu memula dan menyelaraskan peluang-peluang serta komitmen ITM terhadap organisasi-organisasi di luar ITM.
 - (c) Membantu fakulti, staf dan pelajar-pelajar ITM menjadi ahli yang berjaya di dalam komuniti nasional dan antarabangsa.
 - (d) Mempastikan kemasukan dimensi nasional dan antarabangsa di dalam kegiatan pengajaran, penyelidikan dan perkhidmatan awam di ITM.
- (ii) Kerjasama Dengan Negara-Negara Luar Pada Tahun 1996
- (a) United Kingdom
- Bidang-bidang kerjasama meliputi latihan bagi staf pada tahap lepasan ijazah pada kos yang berkurangan serta penginapan bagi mereka yang berkeluarga; latihan jangka pendek dan 'attachment' bagi dekan/ketua jabatan-jabatan (ITM hanya perlu membayar tambang kapal terbang); Program PhD jarak jauh; prosidur pentadbiran dan jaminan kualiti; latihan bagi sistem modular; perolehan pensyarah-pensyarah bahasa Inggeris serta penyelidik ('research conduits'); pembentukan program-program lepasan ijazah bagi kursus-kursus ITM; Sabatikal; menaikbaik kemudahan makmal ITM; latihan dalam perhubungan universiti-industri penyelidikan bersama terutamanya dalam memperolehi sumber kewangan dari IRPA; tenaga pengajar dari UK; dan pengiktirafan bagi diploma ITM bagi kemasukan ke universiti-universiti UK. Di UK, ITM menjalin kerjasama terutamanya dengan universiti-universiti Birmingham, Hertfordshire, Coventry, Oxford Brookes, Stirling, Glasgow Caledonian, Sussex, Wales (Cardiff), De Montfort dan City University London.
- (b) Australia
- Bidang-bidang kerjasama meliputi projek-projek di dalam bidang pendidikan dengan bersumberkan ADB atau bank dunia; program-program Master in Accounting, MBA in Technology Management, Master in Sport Science, M.Sc in Library Science dan M.Sc. in Construction Management; penyelidikan dan pertukaran tenaga pengajar; program-program jarak jauh bidang seni lukis dan seni reka; bidang kesihatan terutamanya kejuruteraan; program-program latihan bagi tentera laut; dan perolehan tenaga pengajar.
- Di Australia, ITM menjalin kerjasama terutamanya dengan International Development Program of Australia, University Curtin, Queensland of Technology, University of Southern Queensland, Deakin University, University of Tasmania, University of New South Wales, University of Edith Cowan dan Nepean University.
- (c) Canada
- Bidang-bidang kerjasama meliputi program-program latihan bagi industri, penubuhan sistem 'incubator' dan program pengesanan awal barah di Pulau Pinang, latihan dan hubungan industri, penyelidikan bersama, pertukaran bahan serta staf dan fakulti, penubuhan kurikulum program lepasan ijazah dan program sains gunaan.
- Di Canada, ITM menjalin kerjasama dengan Southern Alberta Institute of Technology, University of Victoria

		(h) Afrika Selatan
		Bidang-bidang kerjasama merangkumi program pendidikan jarak jauh (University of South Africa); program teknologi inovasi dan penyediaan peluang bagi industri tempatan (University of Pretorial); penyediaan bahan pengajaran bagi program "bridging" sains; dan pengambilan tenaga pengajar dari Afrika Selatan di ITM.
		Di Afrika Selatan, ITM bekerjasama dengan University of South Africa dan University of Pretoria.
		(i) Selain daripada negara-negara di atas, Pejabat Perhubungan Luar dan Antarabangsa ITM juga menjalin perhubungan dengan negara-negara lain seperti Amerika Syarikat, New Zealand, Finland, Norway, Mexico, Russia, Negara-Negara Teluk, China dan Jepun.
		Kerjasama Dengan Yayasan-Yayasan Negeri
		Pejabat Perhubungan Luar dan Antarabangsa ITM menjalin perhubungan rapat dengan beberapa Yayasan negeri, iaitu Yayasan Bumiputra Pulau Pinang, Yayasan Terengganu, Yayasan Pelajaran MARA, INPENS, IKIP, Yayasan Restu, NADI dan Cermai Jaya (Sarawak). Aktiviti utama adalah memfranciskan diploma-diploma ITM dan juga memberikan hak kebenaran kepada Yayasan-Yayasan ini untuk menjalankan program pra sains ITM di lokasi mereka. Pada akhir 1996, beberapa badan-badan kerajaan lain seperti Yayasan Pelajaran Johor, Kolej Islam Melaka, Akademik Seni Melaka, Institut Pengurusan Melaka, Yayasan Negeri Sembilan/Universiti Teknologi Islam, Yayasan Kedah, Yayasan Perak dan Yayasan Sarawak telah menyatakan hasrat mereka untuk bekerjasama dengan ITM.
		Kerjasama Dengan Industri
		Aktiviti industri PLA ITM adalah tertumpu kepada SIRIM dan Motorola. Bersama SIRIM, ITM bercadang untuk menjalankan penyelidikan, program-program lepasan ijazah, projek pelajar-pelajar tahun akhir, seminar dan kursus-kursus jangka pendek (bagi staf SIRIM). SIRIM juga akan membantu dalam penempatan pelajar-pelajar ITM bagi latihan praktik.

Motorola akan bekerjasama dengan ITM untuk menjalankan penyelidikan di China dan di dalam perekaan prototype walkie-talkie serta di dalam pembiayaan makmal microprocessor.

Penandatanganan Memorandum Persefahaman

Di dalam tahun 1996, PLA telah menguruskan beberapa penandatanganan memorandum persefahaman bagi pihak ITM. Ringkasannya adalah seperti berikut:

Southern Alberta

Institute of Technology	- 19 Jan. 1996
NADI	- 4 Jun 1996
Cermai Jaya	- 18 Mei 1996
Oxford Brookes	
University	- 24 Ogos 1996
SIRIM	- 28 Ogos 1996
IDP Australia	- 2 Okt. 1996

Program-program

Francais bersama YBPP, YPM, YT, INPENS dan IKIP	- 17 Okt. 1996
Queensland University of Technology	- 4 Dis. 1996

Selain dari Memorandum Persefahaman, Surat Persefahaman juga telah ditandatangani bersama Moscow Aircraft Production Organization (MAPO) dan YM Industries pada 17 April 1996 dan The Polytechnics of Expoo, Vanta, Kymenlaakso dan South Carelia, Finland pada 8 November 1996.

ITM CAWANGAN PERLIS

Sepanjang tahun 1996, ITM Cawangan Perlis masih meneruskan pelaksanaan program pada tahun lalu. Mulai semester Julai 1996, dua buah kursus telah diperkenalkan di kampus ini iaitu Diploma Kimia Perindustrian (sepenuh masa) dan Diploma Perakaunan (separuh masa). Ini menjadikan jumlah kursus yang dijalankan di kampus ini sebanyak 18 bagi kursus sepenuh masa dan 6 bagi kursus separuh masa (PJJ-4 dan PLK-2).

Dalam usaha mempertingkatkan pengetahuan dan kemahiran kakitangan dan pelajar, kampus ini telah menganjurkan kursus, bengkel dan seumpamanya. Di antaranya ialah:

- i) Kursus Kemahiran Belajar bagi pelajar baru Pra dan Semester 1 pada bulan Februari dan Julai 1996.

- ii) Bengkel Total Quality Management (TQM) bagi pensyarah pada 20 April 1996.
- iii) Kursus Instructional Material Development bagi pensyarah pada 23 - 24 April 1996.
- iv) Bengkel Statistik bagi pensyarah ITM dan UUM pada 13 Julai 1996.
- v) Bengkel Kumpulan Meningkat Mutu Kerja (KMK) bagi kakitangan kumpulan sokongan pada 21 - 22 September 1996.
- vi) Bengkel Statistical Packages for Social Science (SPSS) bagi pensyarah pada 20 - 21 Disember 1996.

Di samping itu beberapa peristiwa penting yang berlaku di kampus ini. Di antaranya ialah:

- i) 30 Mac 1996 - Perasmian Hari Kesihatan Kolej Siding Oleh Yang Berhormat Senator Hajah Mastika Junaidah Husin, Ahli Dewan Negara di Dewan Besar.
- ii) 13 Jun 1996 - Majlis Pelancaran PEWANI ITM Cawangan Perlis oleh Yang Berbahagia Datuk Rusila Abd. Razak yang Dipertua PEWANI ITM di Dewan Besar.
- iii) 30 Julai 1996 - Pelancaran Tabung Amanah Bantuan Pelajar Miskin ITM Cawangan Perlis oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Shahidan Kassim, Menteri Besar Perlis.
- iv) 3 Ogos 1996 - Lawatan Yang Berbahagia Dato' Dr. Zainul Ariff Hj. Hussein, Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan dan Pembangunan Masyarakat Merangkap Pengerusi Panel Penilai Kelima Anugerah Kualiti Perdana Menteri.
- v) 9 Sept. 1996 - Pelancaran Kempen Gaya Hidup Sihat Oleh Yang Berbahagia Pn. Che

- Ah bt. Long Exco
Kemudahan Awam.
- vi) 29 Sept. 1996 - Penutup Projek Anak Angkat Kg. Permatang Bongor (anak angkat) oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Perlis.
- vii) 17 Okt. 1996 - Lawatan Yang Amat Mulia Dato' Seri Syed Razlan Jamalulail.

KURSUS YANG DIJALANKAN

Sepenuh Masa

Kod Kursus	Kursus
AC 10	Diploma Perakaunan
BM 11	Diploma Pengajian Perniagaan
BM 12	Diploma Pengurusan Bank
AS 19	Diploma Sains
AS 10	Diploma Pengurusan Ladang
KP 04	Pra Perdagangan
KP 08	Pra Sains
AS 15	Diploma Kimia Perindustrian
KA 10	Diploma Kejuruteraan Awam
KA 11	Diploma Kejuruteraan Awam (Pembinaan)
KA 12	Diploma Kejuruteraan Awam (Khidmat Bangunan)
KA 13	Diploma Kejuruteraan Awam (Kaji Ukur)
KE 11	Diploma Kejuruteraan Elektrik (Elektronik)
KE 12	Diploma Kejuruteraan Elektrik (Kuasa)
KE 13	Diploma Kejuruteraan Elektrik (Peralatan)
KU 10	Diploma Sains Ukur dan Geomatik
KU 11	Diploma Sains Ukur dan Geomatik (Sistem Maklumat Geografi)
KU 12	Diploma Sains Ukur dan Geomatik (Sumber Alam)

Separuh Masa

Kod Kursus	Kursus
BM 11	Diploma Pengajian Perniagaan
BM 12	Diploma Pengurusan Bank
AL 10	Diploma Pentadbiran Awam
AC 10	Diploma Perakaunan

Pendidikan Luar Kampus

Kod Kursus	Kursus
CS 09	Sijil Pengaturcaraan Komputer
BM 20	Diploma Lanjutan Pengajian Perniagaan (Pemasaran)

ITM CAWANGAN SABAH

Sebanyak dua kursus lagi telah ditawarkan oleh ITM Cawangan Sabah pada tahun 1996 iaitu Kursus Sijil Pengaturcaraan Komputer (CS 09) pada semester Januari 1996 dan Kursus Diploma Lanjutan Perakaunan (AC 20) pada semester Julai 1996. Kedua-dua kursus berkenaan ditawarkan bagi pelajar separuh masa (PKL). Dengan ini sebanyak 18 buah kursus dikendalikan oleh kampus cawangan ini.

Beberapa kursus dan latihan telah dilaksanakan oleh kampus ini bagi meningkatkan pengetahuan kakitangannya. Di antaranya ialah:

- i) Kursus Komputer Power Point untuk Kakitangan Kumpulan Sokongan pada 8 - 9 Januari 1996.
- ii) Kursus KMK Kakitangan Kumpulan Sokongan pada 4 - 7 Mac 1996.
- iii) Kursus Pengurusan Rekod pada 2 - 4 September 1996.
- iv) Kem Wawasan Rakan Muda anjuran bersama Jabatan Belia dan Sukan Persekutuan dengan ITM Cawangan Sabah pada 25 Ogos - 1 September 1996. Majlis penutupan telah dirasmikan oleh Y. B. Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, Menteri Belia dan Sukan.

Peristiwa yang paling sukar dilupakan bagi warga ITM Cawangan Sabah ialah bencana ribut greg yang melanda negeri Sabah termasuk kampus ini pada 26 Disember 1996. Bencana alam ini telah mengakibatkan kerosakan kepada blok kuliah, perpustakaan, blok pensyarah dan kemudahan-kemudahan lain.

Di samping itu dua projek kemudahan di kampus ini telah siap dibina iaitu bangunan Pusat Islam dan bangunan Kafetaria.

KURSUS YANG DIJALANKAN**Sepenuh Masa**

Kod Kursus	Kursus
AL 10	Diploma Pentadbiran Awam
BM 11	Diploma Pengajian Perniagaan
BM 12	Diploma Pengurusan Bank
AC 10	Diploma Perakaunan
HC 06	Sijil Perkhidmatan Hotel & Restoran
HC 07	Sijil Perkhidmatan Hotel & Restoran (Pramusaji)
HC 08	Sijil Perkhidmatan Hotel & Restoran (Penyambut Tetamu)
HC 05	Sijil Pengendalian Agensi Pelancongan
AS 19	Diploma Sains
KP 08	Pra Sains
KP 03	Pra Perdagangan

Separuh Masa

Kod Kursus	Kursus
AL 10	Diploma Pentadbiran Awam
BM 11	Diploma Pengajian Perniagaan
BM 12	Diploma Pengurusan Bank
BM 20	Diploma Lanjutan Pemasaran
CS 09	Sijil Pengaturcaraan Komputer
AC 20	Diploma Lanjutan Perakaunan
AC 10	Diploma Perakaunan

ITM CAWANGAN SARAWAK

Sepanjang tahun 1996, ITM Cawangan Sarawak masih melaksanakan program pada tahun-tahun lalu, di samping aktiviti tahun-tahun semasa. Kampus cawangan ini mengendalikan sebanyak 17 buah kursus iaitu 11 kursus sepenuh masa dan 7 kursus separuh masa (PKL-4 dan PJJ-3).

Y. Bhg. Tan Sri Daruk Wira Abdul Rahman bin Arshad. Pengurus Majlis ITM telah mengadakan lawatan ke tapak kampus baru ITM Cawangan Sarawak di Kota Semarahan pada 8 - 10 Mei 1996. Beliau telah diberi taklimat mengenai kemajuan projek pembinaan kampus tersebut. Di samping itu dalam usaha meningkatkan pengetahuan kakitangan di kampus ini, beberapa kursus telah dianjurkan. Di antaranya ialah:

- i) Seminar Percayaian untuk pensyarah-pensyarah Perakaunan pada 9 Mac 1996.

- ii) Kursus Orientasi Kakitangan Baru pada 2 Ogos 1996.
- iii) Kursus Total Quality Management (TQM) untuk kakitangan pentadbiran pada 16 - 18 September 1996.
- iv) Kursus Kumpulan Meningkat Mutu Kerja (KMK) bagi kakitangan kumpulan sokongan pada 19 - 21 September 1996.
- v) Kursus Microsoft Excell 5 untuk pensyarah pada 29 Oktober 1996.

Kelab Kebajikan dan Sukan Kakitangan ITM Cawangan Sarawak (KEKITA) telah menghantar kontijen dalam Kejohanan Sukan Antara Kampus dan berjaya memenangi dalam beberapa acara yang dipertandingkan iaitu Johan Bowling, Johan Bersama Bola Tampar dan Naib Johan Sepak Takraw.

Dalam Kejohanan Debat Bahasa Inggeris Antara Kampus 1996, pelajar-pelajar ITM cawangan ini telah menggondol tempat pertama.

Pada 21 September 1996, ITM menerusi kampus cawangan ini telah menandatangani Memorandum Persefahaman (MOU) dengan Dewan Usahawan Bumiputera Sarawak (DUBS). Tujuan MOU ini ialah untuk berkerjasama bagi menjalankan penyelidikan, pengumpulan data dan program latihan yang sesuai dengan keperluan ahli DUBS.

KURSUS YANG DIJALANKAN**Sepenuh Masa**

Kod Kursus	Kursus
AC 10	Diploma Perakaunan
AL 10	Diploma Pentadbiran Awam
BM 11	Diploma Pengajian Perniagaan
BM 12	Diploma Pengurusan Bank
KA 10	Diploma Kejuruteraan Awam
HC 05	Sijil Pengendalian Urusan Pelancongan
HC 07	Sijil Perkhidmatan Hotel dan Restoran (Pramusaji)
HC 08	Sijil Perkhidmatan Hotel dan Restoran (Penyambut Tetamu)
SS 10	Diploma Sains Kesetiausahaan)
KP 03	Pra Perdagangan
KP 08	Pra Sains

Separuh Masa

Kod Kursus	Kursus
AC 10	Diploma Perakaunan
AC 20	Ijazah Sarjana Muda Perakaunan (Kepujian)
BM 20	Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan (Kepujian)
CS 09	Sijil Pengaturcaraan Komputer

Pendidikan Jarak Jauh

AL 10	Diploma Pentadbiran Awam
BM 11	Diploma Pengajian Perniagaan
BM 12	Diploma Pengurusan Bank

ITM CAWANGAN TERENGGANU

ITM Cawangan Terengganu menempa sejarah dalam bidang akademik pada tahun 1996 apabila diberi kelulusan untuk melaksanakan program Ijazah Sarjana Muda Perakaunan (AC 20) mulai semester Julai 1996. Pertambahan ini menjadikan kursus-kursus yang dikendalikan oleh kampus ini sebanyak 14 kesemuanya iaitu 12 kursus sepenuh masa dan 2 kursus separuh masa.



Di samping itu satu lagi kepercayaan yang diberi kepada kampus ini pada tahun 1996 ialah sebagai tuan rumah acara Hari Keluarga ITM 1996 yang dilangsungkan pada 18 Ogos 1996. Perasmian pembukaannya telah disempurnakan oleh YAB Menteri Besar Terengganu. Berbagai-bagi acara telah dilaksanakan dalam aktiviti ini termasuk acara sukanika dan lain-lain.

Kejayaan yang ditempa oleh kampus ini sepanjang tahun 1996 ialah:

- i) Memenangi Anugerah Kualiti ITM 1996. Anugerah telah disampaikan pada Majlis Hari Kualiti ITM 1996 di Dewan Sri Budiman ITM Shah Alam pada 2 Oktober 1996.
 - ii) Kumpulan Lanskap Unit Pembangunan dan Selenggaraan (UPS) kampus ini memenangi Anugerah KMK ITM 1996 pada 9 Oktober 1996. Kumpulan yang sama memenangi Johan Pertandingan Mini Konvokesyen KMK Zon Timur ITM pada 28 September 1996.
 - iii) Pelajar Diploma Latihan Chef iaitu Mohd. Hazmi telah memenangi tempat pertama dalam pertandingan yang dikelolakan oleh ASEAN Tourism Association dan Australian Horticultural Corporation dengan kerjasama Persatuan Hotel Malaysia iaitu The Australian Apples, Pears and Oranges Regional Culinary Competition 1996. Beliau akan mewakili Malaysia dalam pertandingan di peringkat ASEAN.
 - iv) Anugerah Naib Johan (Kumpulan Teater) dalam Pertandingan Festival Teater Peringkat Negeri Terengganu pada 26 - 29 Ogos 1996. Pelajar Kursus Diploma Pengurusan Hotel, Izam bt. Yahaya memenangi Anugerah Pelakon Wanita Terbaik dalam teater bertajuk 'Fajar Kemerdekaan'.
- Kampus cawangan ini juga telah berjaya menganjurkan kursus dan latihan untuk meningkatkan pengetahuan kakitangan dan pelajar. Di antaranya ialah:
- i) Bengkel TOEFL bagi pelajar-pelajar pada 11 Januari 1996.
 - ii) Kursus Kepimpinan Islam pada 6 - 8 Mac 1996.
 - iii) Kursus Pra-Perkahwinan pada 14 - 15 Mac 1996.
 - iv) Bengkel Asas Kaunseling untuk pensyarah pada 27 - 28 Mac 1996.
 - v) Kem Ibadah Generasi Al-Quran pada 27 - 30 Mac 1996.
 - vi) Seminar Akauntabiliti dan Responsibiliti pada 20 April 1996.

- vii) Kursus Peningkatan Kualiti Kerja pada 20 - 21 Jun 1996.
- viii) Program Eksekutif Muda pada 17 - 19 Oktober 1996.
- ix) Kursus Motivasi Pembinaan Pasukan pada 26 - 27 Oktober 1996.
- x) Kolokium Kecemerlangan Organisasi pada 10 - 13 Disember 1996.

KURSUS YANG DIJALANKAN

Sepenuh Masa

Kod Kursus	Kursus
AC 20	Ijazah Sarjana Muda Perakaunan
AC 10	Diploma Perakaunan
BM 11	Diploma Pengurusan Bank
CS 10	Diploma Sains Komputer
HC 10	Diploma Pengurusan Hotel
HC 14	Diploma Latihan Chef
SS 10	Diploma Sains Kesetiausahaan
HC 06	Sijil Pengemasan
HC 07	Sijil Pramusaji
HC 08	Sijil Penyambut Tetamu
HC 09	Sijil Tukang Masak

Separuh Masa

Kod Kursus	Kursus
AL 10	Diploma Pentadbiran Awam
BM 11	Diploma Pengurusan Bank

ITM CAWANGAN JOHOR

Sepanjang tahun 1996, ITM Cawangan Johor



berusaha memperbaiki sistem kewangannya dengan teratur. Dengan usaha tersebut segala perbelanjaan dikendalikan mengikut seperti yang dirancangkan. Kemudahan-kemudahan bilik kuliah, asrama serta pejabat telah dipertingkatkan. ITM Cawangan Johor masih mengharapkan Dewan Besar dan Bangunan Perpustakaan baru dapat digunakan pada awal tahun 1997.

Pada Disember 1996, Kursus Sarjana Muda Perakaunan (Kepujian) telah dimulakan di mana seramai 30 orang telah mendaftar dan ketika ini ITM Cawangan Johor sedang menunggu keputusan untuk menawarkan Kursus Sarjana Muda Perniagaan (Pemasaran) pada semester Mei 1997. Di samping itu juga kampus ini telah merancang mendapatkan kelulusan dan tempat di Pasir Gudang untuk menjalankan program Kampus Kota. Di peringkat awal kursus yang akan dijalankan ialah Diploma Perakaunan dan Diploma Pengajian Perniagaan Pengurusan untuk pelajar-pelajar sepenuh masa dan separuh masa. Dengan wujudnya Kampus Kota ini dan Kampus Kota di daerah lain ITM akan dapat meningkatkan bilangan pelajar kepada 10,000 orang tahun 2000.

Di samping itu kampus ini telah melaksanakan beberapa kursus sepanjang tahun ini untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran kakitangan dan pelajar. Di antaranya ialah:

- i) Seminar Perniagaan Sistem Francais/ Vendor di Malaysia anjuran Kelab Kebajikan Kakitangan pada 20 Mei 1996. Seminar ini telah dirasmikan oleh Yang Berhormat Dato' Mustapa Mohamed, Menteri Pembangunan Usahawan.
- ii) Kursus 'Instructional Material Development' untuk pensyarah anjuran Pusat Sumber Pengajaran dan Pembelajaran ITM Cawangan Johor pada 24 - 25 Jun 1996.
- iii) Bengkel Kaedah Penyelidikan untuk pensyarah anjuran Unit Penyelidikan dan Perundingan ITM Cawangan Johor pada 2/7/96, 27/7/96, 3/8/96 dan 10/8/96.
- iv) Seminar Saham anjuran ITM, IPPJ, Utusan Malaysia, MASSA pada 29 September 1996.
- v) Seminar Pengenalan Kepada Internet anjuran Jabatan SMK dan PPD Segamat pada 27 Julai 1996.

- vi) Konvensyen Kepimpinan Islam anjuran JPP, ITM Cawangan Johor pada 21 - 22 September 1996.
- vii) Bengkel Mini Internet Appreciation untuk pensyarah pada 20 November 1996

KURSUS YANG DIJALANKAN

Sepenuh Masa

Kod Kursus	Kursus
AC 10	Diploma Perakaunan
BM 11	Diploma Pengajian Perniagaan
BM 12	Diploma Pengurusan Bank
BM 14	Diploma Analisis Pelaburan
AC 20	Sarjana Muda Perakaunan (Kepujian)

Separuh Masa

Kod Kursus	Kursus
BM 11	Diploma Pengajian Perniagaan
BM 12	Diploma Pengurusan Bank
AL 10	Diploma Pentadbiran Awam
AC 10	Diploma Perakaunan

ITM CAWANGAN MELAKA

Tahun 1996 merupakan tahun yang berasaskan bagi ITM Cawangan Melaka apabila kampus yang terletak di KM 26 Jalan Lendu Alor Gajah, Melaka telah dirasmikan oleh YAB Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, Perdana Menteri Malaysia pada 2 Mei 1996.

Di samping itu sempena Perayaan ITM Ke 40 Tahun, berbagai-bagai aktiviti telah dilaksanakan sepanjang bulan Ogos dan September 1996. Di antaranya ialah Hari Terbuka Komsis. Ceramah Umum, Forum Agama, Pameran, Hari Terbuka Akademik, Pertandingan Debat, Pertandingan Mengarang 'Scanvenger Hunt' - mencari maklumat di perpustakaan dan 'carboot sales' - jualan barang-barang terpakai dan cenderahati.

Aktiviti-aktiviti lain yang dilaksanakan ialah:

- (i) Seminar Pentadbiran Awam anjuran Kursus Pentadbiran Awam ITM Cawangan Melaka.
- (ii) Majlis Berbuka Puasa bersama Tuan Yang Terutama Yang Dipertuan Negeri Melaka Sempena Meraikan Anak-Anak Yatim.

- (iii) Siaran Langsung Rancangan Kanak-Kanak (anak kakitangan dan TABIKA di Persekutuan Kampus). Kerjasama ITM dan RTM Melaka.
- (iv) Pertandingan Kumpulan Mutu Kerja antara Kampus Zon Selatan (ITM Cawangan Melaka dan Cawangan Johor) anjuran bersama Bahagian Latihan dan Biasiswa dengan ITM Melaka.
- (v) Menyertai pertandingan KMK Peringkat ITM di ITM, Shah Alam.
- (vi) Hari 'Kualiti' ITM Melaka.
- (vii) Kolokium Penyelidikan Tahunan.
- (viii) Pertandingan Sukan (kakitangan) antara Kampus ITM. ITM Cawangan Melaka sebagai tuan rumah.

Di samping itu ITM Cawangan Melaka telah menerima pelawat-pelawat dari luar negara iaitu:

- | | |
|---------------|---|
| 16 Julai 1996 | - Lawatan dari Universiti Padang, Indonesia. |
| 5 Nov. 1996 | - Lawatan Akademik Duta Fiji. |
| 7 Nov. 1996 | - Lawatan Akademik dari Finland Polytechnics. |
| 28 Dis. 1996- | Lawatan oleh Pesara ITM. |

Dalam usaha untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran kakitangan dan pelajar, kampus ini telah mengadakan kursus-kursus. Di antaranya:

- (i) Fikiran Berkesan pada 20 April 1996.
- (ii) Kursus ISO 9000 pada 2 Mei 1996.
- (iii) Kursus Pengurusan Fail dan Rekod pada 17 - 20 Jun 1996.
- (iv) Training for Consultants pada 11 - 13 Julai 1996.
- (v) Kursus Interpersonal serta Khidmat Cemerlang pada 21 - 22 Oktober 1996.
- (vi) Kursus Perkhidmatan Waja Diri pada 18 - 22 Ogos 1996.
- (vii) Seminar Teknik Menjawab Soalan pada 13 Oktober 1996.

- (viii) Kursus Motivasi dan Pembelajaran pada 9 November 1996.
- (ix) Kursus Asas Kualiti Untuk Kakitangan Bukan Eksekutif pada 2 - 3 Disember 1996.

KURSUS YANG DIJALANKAN

Sepenuh Masa

Kod Kursus	Kursus
AD 10	Sarjana Muda Seni Lukis dan Seni Reka (Seni Reka Grafik)
AC 10	Diploma Perakaunan
AL 10	Diploma Pentadbiran Awam
BM 11	Diploma Pengajian Perniagaan
BM 12	Diploma Pengurusan Bank
HC 06	Sijil Pengemasan
HC 07	Sijil Pramusaji

Separuh Masa

Kod Kursus	Kursus
BM 20	Sarjana Muda (Kepujian) Pengajian Perniagaan (Pemasaran)
BM 11	Diploma Pengajian Perniagaan
BM 12	Diploma Pengurusan Bank
AL 10	Diploma Pentadbiran Awam

ITM CAWANGAN PERAK

Sepanjang tahun 1996, ITM Cawangan Perak masih meneruskan operasinya di kampus sementara di Bandar Sri Manjung. Walau bagaimanapun pada penghujung tahun berkenaan kampus tetap di Bandar Sri Iskandar telah dapat disiapkan dan perpindahan kampus berkenaan telah dilaksanakan.

Dengan ini mulai Januari 1997 kampus baru di Bandar Sri Iskandar telah mula digunakan. Walau bagaimanapun oleh kerana kampus tetap ini tidak dapat menampung keseluruhan pelajar cawangan ini, sebahagian daripada pelajar-pelajar cawangan ini masih lagi di tempatkan di kampus sementara di Bandar Sri Manjung. Projek fasa kedua kampus tetap ini diharapkan dapat menampung keseluruhan jumlah pelajar kampus cawangan ini yang kini berjumlah lebih 2,000 orang.

Mulai semester Julai 1996, satu kursus baru diperkenalkan di kampus ini iaitu Diploma Seni Lukis dan Seni Reka (AD 10) tahun pertama.

Bagi memberi ruang kepada staf ITM Cawangan Perak melibatkan diri dalam penulisan, kampus ini telah menerbitkan jurnal yang bertajuk MINDA.

Dalam usaha untuk mempertingkatkan pengetahuan dan kemahiran kakitangan dan pelajar, kampus cawangan ini telah berjaya menganjurkan kursus, bengkel dan seminar. Di antaranya ialah:

- (i) Kursus Kemahiran Belajar pada 9 Mac 1996 dan 12 - 13 Julai 1996.
- (ii) Kursus Microsoft Windows pada 9, 16 dan 23 Mac 1996.
- (iii) Bengkel Dalaman Komputer (Excel) pada 18 - 19 Jun 1996.
- (iv) Seminar Peranan ITM Dahulu dan sekarang pada 27 Julai 1996.
- (v) Kursus Tuntutan Semasa Dari Perspektif Islam pada 24 - 25 Oktober 1996.
- (vi) Konferens Akademik (Kemampunan Akademik Abad Ke 21) pada 9 - 12 Disember 1996.

Di samping itu kampus ini bertuah kerana menerima kunjungan Y. Bhg. Tan Sri Arshad Ayob, bekas Pengarah ITM pada 27 Julai 1996. Beliau berkesempatan mengambil bahagian dalam seminar 'Peranan ITM Dahulu dan Sekarang' yang dianjurkan pada tarikh yang sama.

Dalam pertandingan teater peringkat kebangsaan yang diadakan pada 16 - 21 Disember 1996 di MATIC Kuala Lumpur, ITM Cawangan Perak yang mewakili Negeri Perak telah menggondol juara. Terdahulu dari ini iaitu pada bulan Oktober 1996, kumpulan teater yang sama berjaya menjadi naib Johan Peringkat Zon Tengah dalam pertandingan yang diadakan di MATIC, Kuala Lumpur. ITM Cawangan Perak juga menggondol hadiah Pengarah Terbaik dalam teater yang berjudul KERUSI karya Hatta Azad Khan.

KURSUS YANG DIJALANKAN**Sepenuh Masa****Kod Kursus**

Kod Kursus	Kursus
AP 09	Sijil Perancangan Bandar dan Wilayah
AP 11	Diploma Perancangan Bandar dan Wilayah
AP 13	Diploma Seni Bina
AP 14	Diploma Ukar Bahan
AP 15	Diploma Pengurusan Hartanah
AP 16	Diploma Bangunan
AP 17	Diploma Rekabentuk Dalamam Pra-Sains
KP 08	Diploma Perakaunan
AC 10	Diploma Sains Komputer
CS 10	Diploma Sains Kesetiausahaan
SS 10	Diploma Seni Lukis dan Seni Reka
AD 10	

Separuh Masa**Kod Kursus**

Kod Kursus	Kursus
AL 10	Diploma Pentadbiran Am
BM 11	Diploma Pengajian Perniagaan
BM 12	Diploma Pengurusan Bank

Kursus Luar Kampus**Kod Kursus**

Kod Kursus	Kursus
CS 09	Sijil Pengaturcaraan Komputer

PANEL PENASIHAT AKADEMIK DAN PEMERIKSA LUAR**Panel Penasihat Akademik****Jabatan Perancangan Bandar dan Wilayah**

- (i) Dr. Mohamad Thalha Ali Thamby
Pengetua
Workers Institute of Technology

Jabatan Pengurusan Hartanah

- (i) Sulaiman Mustapha, FIS
Pengarah Eksekutif
Jones Lang Wotton
- (ii) Dato' Mohamad Nawawi Arshad
Bekas Ketua Pengarah
Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Hartanah

- (iii) Dato' Shaari Hj. Mahadi
Ketua Pengarah
Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Hartanah

Pemeriksa Luar**Jabatan Perancangan Bandar dan Wilayah**

- (i) Prof. Stephen Hammett
Professor
University of South Australia
- (ii) Ho Khong Ming
Presiden
Pertubuhan Perancangan Malaysia
- (iii) Hj. Mokhtar Long
Pengarah
Jabatan Perancangan dan Kawalan Bangunan
Dewan Bandaraya Kuala Lumpur

Jabatan Pengurusan Hartanah

- (i) Abu Hassan, MIS
Pengarah
Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Hartanah, Pulau Pinang
- (ii) Haji Zaki Haji Said, MIS
Pengarah
Zaki & Partners
- (iii) Haji Jaafar Ismail, FIS
Pengarah
Jaafar & Company

ITM CAWANGAN PAHANG

Tahun 1996 merupakan tahun yang bersejarah bagi ITM Cawangan Pahang kerana tahun ini



genaplah 10 tahun usia cawangan ini. Majlis sambutan ulang tahun ITM Cawangan Pahang, Ke 10 di samping perayaan ITM Ke 40 telah diadakan serentak pada 5 Julai 1996.

Upacara perasmian telah disempurnakan oleh YB Dato' Hassan bin Ariffin, Timbalan Menteri Besar Pahang.

Satu lagi acara kemuncak di kampus ini ialah perasmian Kampus ITM Cawangan Pahang di Bandar Pusat Jengka pada 13 Ogos 1996 oleh YB Dato' Seri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak, Menteri Pendidikan Malaysia. Turut hadir dalam majlis ini ialah Timbalan Menteri Besar Pahang, Ahli-Ahli Exco Negeri Pahang, Pengurus Majlis ITM, Ahli-Ahli Majlis dan Pegawai-Pegawai Kanan ITM.

Aktiviti-aktiviti lain yang dilaksanakan ialah:

- (i) Hari Q ITM Cawangan Pahang yang dirasmikan oleh YB Dato' Haji Abdul Ghani bin Sulaiman, Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang pada 21 Oktober 1996. Beliau juga telah menyampaikan anugerah perkhidmatan cemerlang kepada 13 orang kakitangan kampus cawangan ini dalam majlis tersebut.
- (ii) Y. Bhg. Dato' Mohd. Salleh Abdul Majid, Pengurus Besar Bursa Saham Kuala Lumpur telah menyampaikan ceramah kepada pelajar-pelajar di kampus ini mengenai peluang-peluang kerjaya di sektor korporat, swasta dan awam pada 5 Oktober 1996.
- (iii) Seminar Infotech 1996 telah dipancarkan terus menerus dari Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), Kuala Lumpur ke Dewan Kuliah 1 ITM Cawangan Pahang pada 18 hingga 20 Disember 1996. Seminar telah dihadiri oleh pensyarah dan kakitangan ITM Cawangan Pahang serta wakil-wakil kerajaan dan swasta Wilayah Jengka, Temerloh, Mentakab, Jerantut dan Maran.

Kampus ini amat berbangga dengan kejayaan yang dicapai oleh kakitangannya yang telah memenangi beberapa pertandingan yang disertai di peringkat negeri dan kebangsaan iaitu:

- (i) Kumpulan Ikhlas dari Bahagian Kewangan telah memenangi Anugerah Emas Pertandingan Kumpulan Meningkat Mutu Kerja (KMK) peringkat Wilayah Timur yang diadakan pada 10 hingga 11 Ogos 1996

anjuran Perbadanan Produktiviti Negara di Kuantan.

- (ii) Kumpulan Lebah dari Unit Ladang telah memenangi Naib Johan dalam pertandingan KMK peringkat Zon Timur di ITM Cawangan Terengganu pada 28 September 1996 anjuran Bahagian Latihan dan Biasiswa ITM dan seterusnya mendapat tempat ketiga dalam pertandingan ahli KMK di Shah Alam pada 9 Oktober 1996.

Mengenai program akademik, dua buah kursus telah dimulakan di kampus ini pada semester Julai 1996 iaitu Sijil Pengendalian Pelancongan (HC 05) di Kampus Kota, Kuantan dan Diploma Industri Perkayuan (AS 17) di Kampus Jengka.

Pada tahun 1996 beberapa kemudahan fizikal telah dibina di kampus ini. Di antaranya ialah bengkel perkayuan, bangunan gimnasium, gelanggang bola tampar di Kolej Siswi, dua unit gerai makan di Kolej Siswi, menaiktaraf jalan laterite ke tapak Kem Motivasi dan beberapa projek kemudahan lain.

Kampus Cawangan ini juga berjaya menganjurkan kursus dan bengkel dalam usaha meningkatkan pengetahuan dan kemahiran kakitangan dan pelajar-pelajar. Di antaranya ialah:

- (i) Bengkel Ko-Kurikulum Baru DPIM di Coral Beach Resort, Kuantan pada 16 - 18 Januari 1996.
- (ii) Bengkel MINITAB Perkhidmatan Pelajar Tutor pada 15 Januari 1996.
- (iii) Kursus Penggunaan Komputer Macintosh dan Pagemaker di Makmal Macintosh pada 19 - 20 Januari 1996.
- (iv) Bengkel Quality Assesment pada 16 Mac 1996.
- (v) Kursus Komputer Microsoft Windows 3.1 pada 3 Jun 1996.
- (vi) Konvensyen Bomba Sukarela Peringkat Kebangsaan 1996 pada 21 - 24 Jun 1996.
- (vii) Kursus ISO 9000 (Penyediaan Dokumen) pada 9 - 10 Sept. 1996.
- (viii) Kursus Penggunaan Alat Kawalan Mutu pada 18 - 19 Sept. 1996.

- (ix) Kursus Nilai dan Etika Kerja pada 28 Nov. 1996.
- (x) Kursus Keterampilan Berkomunikasi Ke Arah Peningkatan Produktiviti pada 4 - 5 Disember 1996.

Bukit Ilmu, Machang. Perpindahan secara rasmi telah dibuat pada 1 Januari 1996.

Beberapa aktiviti juga telah dijalankan oleh ITM Cawangan Kelantan seperti berikut:

- (i) Kursus Perkahwinan Dan Keluarga Bahagia pada 26 hingga 27 September 1996, bertempat di Kampus ITM Cawangan Kelantan.
- (ii) Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Kakitangan 1996 dan Pertandingan 5S pada 14 November 1996 bertempat di Kampus ITM Cawangan Kelantan.
- (iii) Majlis Pelancaran Buku Teks oleh Y.B. Dato' Mustapha bin Mohamed, Menteri Pembangunan Usahawan pada 14 Julai 1996 di ITM Cawangan Kelantan.

KURSUS YANG DIJALANKAN

Sepenuh Masa

Kod Kursus	Kursus
AC 05	Pra Perakaunan
AC 10	Diploma Perakaunan
AS 10	Diploma Pengurusan Ladang
